# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 9 | RABU 27HB FEBRUARI, 1980. | 1400 رابو 10 ربيع‌الاخير | PERCHUMA


## Yang Dipertuan Agong Malaysia melawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan DYMM Raja Permaisuri Agong Malaysia, akan mengadakan lawatan tidak rasmi ka-Brunei minggu pertama bulan depan.

Lawatan Baginda2 itu ada-lah bagi menyaksikan perlawanan Polo Antarabangsa Brunei kali ketiga yang akan di-mulakan pada hari Jumaat ini. Anakda Baginda, yang juga Tengku Mahkota Pahang, akan mengetuai Pasokan Polo Diraja Pahang.

Sa-belum di-tabalkan menjadi Yang Dipertuan Agong Malaysia, Baginda telah mengadakan lawatan ka-Brunei tahun lepas dan mengetuai Pasokan Polo Diraja Pahang.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah menekan punat sa-bagai menandakan perasmian Stadium Hassanal Bolkiah dengan di-perhatikan oleh Pesurohjaya Pulis, YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya dan Penolong Pesurohjaya Pulis, YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Omar.

## STADIUM HASSANAL BOLKIAH DI-BUKA RASMI

GADONG. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah telah berkenan berangkat berchemar duli bagi menyempurnakan pembukaan Kompleks Sokan Stadium Hassanal Bolkiah yang telah di-adakan di-kawasan ibu pejabat Pulis Diraja, Gadong di-sini pada hari Sabtu yang baru lalu.

Upachara perasmian stadium pada hari itu telah di-mulakan dengan sabda alu2-an dari Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Dalam sabda-nya, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja menyatakan bahawa pembenaan Stadium Hassanal Bolkiah bagi Pasokan Pulis Diraja Brunei itu menelan belanja hampir 5.5 juta ringgit dan ada-lah merupakan yang pertama di-negeri ini yang mempunyai kelengkapan2 dan kemudahan2 yang moden dan alat2 yang sofistikated yang sataraf dengan olimpik dan antarabangsa.

"Negeri Brunei ada-lah merupakan sa-buah negeri di-Kepulauan Borneo dan salah satu bilangan kechil negeri2 di-Tenggara Asia ini yang mempunyai 'Startent Track' ia-itu tempat berlari yang sangat terkenal di-dunia sokan", jelas Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja menambah sabda, bahawa pembenaan Stadium Hassanal Bolkiah itu telah di-mulakan sejak bulan Oktober tahun 1977 dan telah siap di-bena dan di-gunakan pada 31hb Ogos tahun lalu.

Kompleks itu, sabda Yang Amat Mulia itu lagi, mempunyai padang bolasepak yang di-lengkapkan dengan lampu2 untok permainan waktu malam, dua buah gelanggang squash, kolam berenang dan juga di-lengkapkan dengan sa-buah restoran, bilek rehat, bilek billiard dan dua buah bilek tukar pakaian.

Menurut Yang Amat Mulia, stadium tersebut bukan sahaja untok kegunaan Pasokan Pulis Diraja Brunei malahan boleh di-gunakan oleh semua lapisan masharakat di-negeri ini baik sekolah2 menengah dan maktab2; persatuan2 belia; badan2 kebajikan serta jabatan kerajaan samada mengadakan perlawanan persahabatan atau seumpama-nya.

"Pasokan Pulis Diraja Brunei merasa amat berbangga dan bershukor atas segala kemudahan2 yang telah di-kurniakan oleh kerajaan Kebawah DYMM dengan memberikan kemudahan2 dalam stadium ini yang di-khaskan untok Pasokan Pulis Diraja Brunei dan ke-

Lihat muka 18

## Penasehat Umom DYMM rasmi Ibusawat Talipon Pusat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim telah merasmikan pembukaan perkhidmatan Ibusawat Talipon Pusat yang baru di-Jalan Istana Darussalam di-sini pada hari Khamis yang baru lalu.

Upachara perasmian itu juga sa-rentak menandakan pembukaan perkhidmatan Ibusawat di-Madang ia-itu bagi kawasan Utara.

Sa-lepas upachara itu, Yang Teramat Berhormat Pehin Isa kemudian-nya membuat satu panggilan ka-wakil Ajensi Kerajaan Brunei di-London, Dato Paduka Haji Ali bin Haji Daud untok memperingati pelancharan perkhidmatan Dail Terus Antarabangsa bagi negeri ini.

Selesai sahaja upachara perasmian itu di-jalankan Yang Teramat Berhormat Pehin Isa telah di-bawa meninjau dengan lebeh dekat lagi ka-beberapa bahagian bangunan baru itu dengan di-iringi oleh pegawai2 kanan Talikom. Antara yang di-lawati oleh YTB Pehin Isa termasok-lah bilek ibusawat Telex, bilek operetor dan bilek Taligerap.

Ibusawat Talipon yang baru itu mempunyai sistem perjalanan yang menggunakan sistem elektronik dan komputer dan merupakan yang termoden dalam bidang perhubongan Talikom dan pertama kali di-pasang di-Pulau Borneo ini.

Ibusawat pusat tersebut ada-lah menggantikan ibusawat pusat di-Manggis dan Lambak dan ia-nya menyediakan lebeh daripada 30 ribu talian dan dua ratus tiga puloh talian penghubong panggilan Antarabangsa.

Dengan bermula-nya perkhidmatan ibusawat2 tersebut maka pelanggan2 di-seluroh negeri ini akan dapat membuat panggilan Terus Antarabangsa (International Direct Dailling) menerusi satelit bumi di-Telisai.

Kawasan2 yang menerima perhubongan sistem elektronik dan komputer itu ia-lah; Ibusawat di-Bandar Seri Begawan dan ibusawat Kampong Madang.

Dengan bermula-nya perkhidmatan2 yang baru itu juga hampir semua pelanggan pusat

Lihat muka 18

### Manis-nya Iman

"ALLAH merahmati orang yang bersikap tolak-ansur ketika menjual dan ketika membeli, dan ketika memohon dan meminta" — HADITH Nabi riwayat Al-Bukhari daripada Jabir.



UPACHARA perasmian Ibusawat Talipon Pusat yang di-laksanakan oleh Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa (paling kiri).

## 728 orang lulus pepereksaan Brunei-Camb. GCE 'O' level

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 728 dari jumlah 1,749 orang chalun yang mendudoki pepereksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Perengkat Biasa dalam aliran Inggeris yang telah di-adakan pada tahun lalu telah lulus.

Jumlah yang lulus itu ia-lah penuntut2 yang mendapat antara tiga dan lapan mata pelajaran GCE dan peratus kelulusan ada-lah bersamaan 41.62%.

Dari jumlah yang lulus itu, 10 orang chalun mendapat lapan mata pelajaran GCE ia-itu enam orang dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan sa-orang yang masing2-nya penuntut dari Sekolah St. Angela's Convent, Seria; Sekolah St. Andrew; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan Sekolah Inggeris Berakas.

Sa-ramai 55 orang chalun lulus dengan mendapat tujoh GCE; 70 orang mendapat enam GCE; 128 orang mendapat lima GCE; 166 orang mendapat empat GCE dan 299 orang mendapat tiga GCE.

Sekolah St. George dari Bandar Seri Begawan telah memperolehi keputusan yang baik sekali dengan mengatasi 12 buah sekolah menengah dan maktab2 di-seluroh negeri dengan mendapat 96.00 peratus kelulusan. Sekolah tersebut mengemukakan 25 orang chalun dan 24 orang daripada-nya telah lulus.

Tempat kedua yang mendapat kelulusan terbaik ia-lah Sekolah Menengah Chung Hwa juga dari Bandar Seri Begawan. Dari jumlah 19 orang yang mendudoki pepereksaan hanya tiga orang sahaja yang gagal dan peratus lulus ia-lah bersamaan dengan 84.21 peratus.

Sementara tempat ketiga telah di-sandang oleh Sekolah St Micheal's dari Seria dengan mendapat 72.41 peratus kelulusan. Dari jumlah 29 orang yang mendudoki pepereksaan 21 orang daripada-nya telah lulus dan hanya 8 orang sahaja yang gagal.

Ini kemudian-nya di-ikuti oleh Sekolah St. Angela's, Seria dengan 70.12 peratus; Sekolah St Andrew, Bandar Seri Begawan dengan 59.09 peratus; Sekolah St Margaret's, Seria dengan 56.41 peratus; Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong dengan 47.36 peratus; Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dengan 42.96 peratus; Sekolah Menengah Chung Ching, Seria dengan 40.00 peratus; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, BSB dengan 33.70 peratus; Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait dengan 30.95 peratus; Sekolah Inggeris Berakas, BSB dengan 27.00 peratus dan Maktab Anthony Abell, Seria dengan 25.90 peratus.

Sementara itu dari 57 orang chalun Kelas Pelajaran Dewasa yang mendudoki pepereksaan tersebut hanya dua orang cha-

Lihat muka 18

**Pelita Brunei**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

27HB FEBRUARI, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## DUA PERKEMBANGAN PENTING

DUA perkara penting dalam sejarah perkembangan dan kemajuan di-Brunei telah di-rasmikan Khamis lepas. Pertama ia-lah perasmian sistem talipon baru yang menggunakan alat elektronik dan komputer, oleh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa. Kedua ia-lah perasmian Pusat Latehan Kejuruteraan Schlumberger di-Lorong 10 Seria, oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail. Pusat ini ada-lah untok melateh jurutera2 muda, chara chari gali minyak sa-chara moden dengan menggunakan alat2 komputer. Kedua2 peristewa tersebut melambangkan lagi perkembangan dan kemajuan bagi negeri kita Brunei yang terkumpol dalam katogeri negara2 yang sedang membangun.

Sistem talipon baru yang menggunakan alat2 elektronik dan komputer yang di-rasmikan oleh YTB Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Khamis lepas itu merupakan alat termoden dalam bidang talikom yang pertama kali di-pasang di-dalam Borneo ini. Dengan bermula-nya ibusawat2 termoden itu maka pelanggan2 di-seluroh negeri ini akan dapat membuat panggilan sa-chara langsong dengan antarabangsa (International direct dialling).

Menauleh kembali sejarah perkembangan talikom di-Brunei sejak tahun2: 20an. 40an, 50an, 60an, dan 70an; tahun demi tahun litar luar negeri, litar talipon dalam negeri, talian2 dan ibusawat2 talipon ada-lah semakin bertambah bilangan-nya serta menerima perubahan demi perubahan untok mensesuaikan dengan keadaan pendudok dan kemajuan dunia. Sejarah perkembangan talikom di-Brunei kali terakhir ia-lah pada tahun 1974, dua litar ka-Hongkong, ia-itu ibusawat Telex Antarabangsa dalam mana opereter di-Brunei dapat membuat panggilan telex sa-chara otomatik dengan negara2 lain di-dunia, ia-itu, pada 19hb Mach. Demikian juga satu litar taligerap awam ka-Singapura untok menggantikan litar morse yang di-jalankan sa-chara tangan yang telah di-gunakan sejak tahun 1947. Langkah2 yang telah di-ambil dalam bidang talikom itu menunjokkan kemajuan2 yang telah dapat di-laksanakan dalam bidang perkembangan talikom hingga ka-perengkat yang lebeh moden sekarang ini.

Pusat Latehan Kejuruteraan Schlumberger di-Lorong 10 Seria, itu juga ada-lah merupakan satu perkembangan terbaru dalam kegiatan chara2 menchari gali minyak yang menggunakan alat2 komputer. Penubohan Pusat Kejuruteraan Schlumberger Seberang Laut Berhad di-negeri kita Brunei itu ada-lah satu lagi penghormatan di-berikan kapada negeri kita oleh pehak Schlumberger yang telah memileh negeri kita sabagai salah sa-buah Pusat Latehan Kejuruteraan-nya dengan di-restui oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bagi melateh jurutera2 muda di-bidang menchari gali minyak. Mudah2an dengan tertuboh-nya Pusat Latehan Kejuruteraan itu akan munchol anak2 tempatan yang berkelulusan menchaborkan diri dalam bidang tersebut bagi faedah menambahkan lagi pengeluaran minyak di-negeri kita atau di-mana2 saja di-dunia ini.

Dari kedua2 peristewa yang amat penting dalam perkembangan dan kemajuan itu, tidak shak lagi negeri kita Brunei sedang menuju ka-arah pembangunan-nya mengikut keperibadian orang2 Brunei dalam berbagai aspek. Dan memang-lah perkembangan dan kemajuan2 pembangunan itu dapat di-rasakan sa-chara langsong atau tidak perengkat demi perengkat — dan pada mereka yang mengikuti perkembangan itu sudah tentu akan dapat mengesan-nya. Sesunggoh-nya, perkembangan dan kemajuan pembangunan dalam semua bidang itu tidak dapat di-chipta dalam masa yang sengkat atau dalam sa-kelip mata — tetapi ia-nya memakan masa untok melaksanakan-nya sa-bagaimana kata pepatah Inggeris, "Rome was not built in a day atau Bandar Rome itu tidak di-bena dalam sa-hari".

# PADA HEMAT SAYA....

## HARGA MATA YANG CHANTEK

SUKAR UNTOK di-bayangkan ada orang akan sanggup menchederakan kedua belah mata-nya. Lebeh sukar lagi di-bayangkan kalau ada yang tergamak menchongkel kedua biji mata-nya. Tentu-nya perbuatan itu ngeri dan amat menyakitkan. Dan pada satengah2 perhitungan ia tentu-lah pula suatu perbuatan bodoh dan merugikan — bahkan juga aniaya dan berdosa.

Tapi mungkin kita sudah pernah mendengar satu kejadian menchongkel kedua mata sendiri di-lakukan orang. Yang sedeh-nya ia di-lakukan oleh sa-orang wanita chantek.

Mengingat ia di-lakukan oleh sa-orang wanita chantek tentu pula di-sangkakan mungkin kerana sebab2 putus-asa. Mithal-nya mungkin dia 'di-meranakan' oleh lelaki, atau mungkin kerana mata-nya itu ada keaiban-nya sa-hingga mengurangkan daya penarek yang di-mileki oleh lain2 anggota tuboh badan-nya yang chantek itu.

Tidak, tidak demikian itu hal-nya.

### CHERITA

*Kejadian yang mahu di-paparkan di-sini jalinan cherita-nya lebeh kurang begini :*

Ada sa-orang wanita chantek di-sa-buah bandar. Suatu hari waktu wanita itu berjalan sa-orang diri di-tengah2 kesebokan bandar ia di-ekori oleh sa-orang pemuda yang biasa berpeleseran di-bandar itu. Menyedari ada orang mengekori-nya wanita tersebut pun berhenti.

"Tidak-kah awak malu?" kata-nya kapada pemuda itu.

Pemuda yang sudah 'arif dengan rahsia bandar itu tidak merasakan kata2 itu luar biasa. Dia juga telah faham sikap perempuan di-bandar itu apabila 'di-leser'. Sangka-nya kata2 itu bagai anak kunchi untok sa-terus-nya membuka pintu yang biasa di-masoki-nya dalam kehidupan-nya berpoya2 salama itu. Lalu dia hanya senyum.

"Malu dari siapa?" tanya-nya dengan sangkaan wanita itu tentu lebeh mengerti apabila sa-orang lelaki mengekori-nya di-tengah2 bandar, tambahan pula diri-nya itu chantek dan mudah saja lelaki tertarek.

"Tidak-kah awak malu dari yang mengetahui perihal khianat mata dan mengetahui apa2 yang terbuku di-dada?" kata-nya dengan berani lantas berjalan beredar dari situ.

Bagai tersentak pemuda itu mendengar kata2 sedemikian. Dia merasakan suatu yang menggaru2 di-hati-nya meminta-nya untok berfikir dua kali. Tapi kerana begitu tertawan dengan kechantekan wanita itu dia tidak mengindahkan perasaan tersebut. Dia terus juga melangkah mengekori di-belakang wanita chantek itu. Sambil itu dia menyangkakan pula yang kata2 wanita itu sa-takat chuba menunjok 'jual mahal'.

### MENDAPAT GALAKAN

Sampai di-satu tempat wanita itu berhenti lagi.

"Mengapa awak datang ka-sini?" tanya-nya lembut. Tidak kelihatan ada riak2 marah di-muka-nya.

Pemuda tersebut saperti mendapat galakan dengan pertanyaan itu lalu menjawab : "Aku tertarek dengan kechantekan kedua biji mata mu itu" kata-nya sambil menudingkan jari-nya ka-mata wanita yang sa-memang-nya begitu mengashekkan bila di-renong dan di-pandang itu.

"O... begitu!" wanita chantek lagi manis itu menganggok2kan kepala-nya. "Awak dudok-lah dulu di-sini sa-hingga aku hantarkan apa yang kau mahu" kata-nya bersahaja lalu beredar.

Pada saat itu, pemuda tersebut yakin wanita yang di-ekori-nya sejak tadi itu sudah mengerti maksud-nya, tinggal menunggu masa saja lagi maksud itu akan terpenoh. Ah! Betapa-lah saat menunggu itu amat mendebarkan.

### DULANG

Belum lama dia dudok menunggu itu tiba2 munchol sa-orang perempuan surohan membawa bersama-nya dulang yang bertutop sapu tangan.

Dulang yang di-tatang-nya itu di-letakkan-nya di-depan pemuda itu saperti satu hidangan. Dengan tidak menghiraukan perempuan surohan itu dan tidak pula timbul keinginan untok menyangkakan apa2 pemuda itu segera membuka sapu tangan penutop-nya. Tapi alang-kah memeranjatkannya rupa-nya isi dulang itu bukan makanan!

"Puan saya mengatakan dia tidak lagi mahukan kedua biji mata-nya ini yang menyebabkan sa-seorang lelaki tertawan kerana-nya," kata perempuan surohan itu dengan sedeh.

Betul, dan bukan-lah khayalan-nya, pemuda tersebut mendapati di-hadapan-nya kini terhidang dulang yang berisi dua biji mata yang maseh berlumoran darah tanda baru di-chongkel. Menyedari hal itu tiba2 saja anggota-nya gementar. Dia segera sedar betapa wanita yang chantek itu tadi-nya mengatakan sa-suatu yang sa-patut-nya menginsafkannya dari terus mengekorinya, tapi kerana sudah biasa dengan chara hidup berpoya2 dan berpeleseran dia menyangka wanita tersebut sama saja dengan lain2 perempuan yang biasa melayan lelaki di-bandar itu.

Rupa-nya sangkaan-nya itu meleset. Wanita sa-chantek itu rupa-nya lebeh tahu harga kewanitaan-nya dari harga dua biji mata yang mengashekkan lelaki memandang-nya. Pada perhitongan-nya mata-nya yang sedemikian itu sudah jatoh nilai-nya ka-taraf sa-takat mampu membangkitkan fitnah sa-hingga sa-orang lelaki peleser yang tidak sedarkan maruah chuma tertarek bagi kepuasan nafsu-nya.

### INSAF

Begitu-lah lebeh kurang cherita-nya.

Bayangkan-lah, betapa ngeri perbuatan menchongkel mata sendiri. Tapi tidak sa-mesti-nya perbuatan itu bodoh dan nekat.

Dan sebenar-nya begitulah. Kejadian itu kesan-nya amat mendalam kapada sa-orang pemuda peleser sa-hingga dari saat itu dia segera menginsafi diri-nya yang sa-lama itu ashek berpoya2 menyusuri jalan dan lorong bandar tidak mengira malam dan siang. Keinsafan itu segera membuat-nya bertaubat.

Cherita ini istemewa-nya bukan-lah kesah 'fiction', tapi ia benar2 kejadian di-suatu tempat dan melibatkan watak yang benar2 ujud di-suatu zaman.

Tempat kejadian-nya ia-lah di-bandar Basrah, di-negeri Iraq di-zaman dahulu. Yang terlibat dan menjadikan cherita ini suatu ristaan zaman berzaman ia-lah sa-orang bernama Al-Hasan Al-Basri yang sa-belum itu ada-lah sa-orang peleser bandar tapi sejak kejadian tersebut telah menginsafi maruah kemanusiaan lalu bertaubat. Dan taubat-nya di-terima Allah sa-hingga beliau kemudian-nya di-kenal dalam sejarah sa-bagai sa-orang ilmuan yang bersifat zuhud serta taat.

### BERMODALKAN KECHANTEKAN

Maka bayangkan-lah pula pengorbanan sa-orang wanita chantek di-suatu zaman dahulu di-tengah2 kota yang berpenghunikan berbagai ragam watak manusia. Saya tidak fikir watak zaman itu berbeza dengan watak orang2 di-zaman kita. Yang berbeza mungkin suasana-nya.

Suasana zaman dahulu itu mungkin tidak-lah begitu mendedahkan wanita2 untok bebas bermodalkan tuboh badan saperti hal-nya dalam sa-tengah2 chara dan suasana zaman sekarang.

Lalu kerana itu, pada hemat saya tidak patut pula ada yang tersalah anggapan cherita wanita chantek yang menchongkel kedua biji mata-nya yang di-hidangkan ini bermaksud mendorongkan perbuatan ngeri di-kalangan makhlok yang di-korniakan kechantekan anggota tuboh badan.

Yang di-paparkan di-sini ia-lah moral cherita dan kejadian yang sa-kira2 patut juga sa-kali sa-kala di-renongkan nilai-nya.

Mungkin nilai sa-suatu cherita dan kejadian itu tinggi dan mungkin juga rendah menurut 'pasaran' sa-suatu zaman. Tapi yang tidak akan jatoh nilai-nya dan tidak patut di-jatohkan dalam cherita yang di-paparkan ini mithal-nya ia-lah betapa kechantekan anggota tuboh badan sa-seorang wanita telah terbokti membangkitkan fitnah nafsu shahwat. Pada hal dalam cherita ini sa-takat melibatkan mata, dan ia bukan-lah 'aurat perempuan yang wajib di-tutop. Apa hal-nya pula anggota tuboh badan yang lain?

Tinggal lagi suasana zaman sekarang ini membuat orang tidak takutkan fitnah nafsu shahwat walhal akibat-nya jauh lebeh meluas dari akibat yang menimpa orang di-zaman dahulu. — *Ketua Pegawai Penerangan.*

**"Tinggal lagi suasana zaman sekarang ini membuat orang tidak takutkan fitnah nafsu shahwat walhal akibat-nya jauh lebeh meluas dari akibat yang menimpa orang di-zaman dahulu..."**

# GENERAL ADVISER OPENS NEW EXCHANGES

SUMBILING. — Telecommunications in the progress of a country play an important role.

The Telecoms Dept has achieved a great success in its exchange systems. International Direct Dialling was for the first time introduced to Brunei.

Its two new exchanges were brought into service on Thursday to replace the existing Central, Manggis' and Lambak's exchanges.

The General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, the Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa officially opened the ceremony.

He then made a call to the Brunei Government Agency in London to commemorate the grand opening of the new exchange services. (See the picture on the right).

The VIPs present at the ceremony included the Acting State Secretary, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, the Director of Telecoms, Mr. Scholey and the Director of the Economic Planning Unit, Datin Hajjah Jusnani Haji Lawie.

The bringing into service of the exchanges and the cutting out of service of the 3 old ones were conducted in the afternoon and the operation took a few minutes during which there was a break in the telephone services in the areas affected.

The 2 exchanges were installed in the new Telecoms building here.

In view of the new services, most of the existing central subscribers whose numbers begin with the digit two still retain their numbers, but about 600 in the Anggerek Desa and airport areas have their first digit changed to 3.

All subscribers connected to the Manggis exchange are being given new 5 digit numbers commencing with the digit 3.

Subscribers connected to the Lambak exchange are transferred to the North, but they still retain existing numbers.

The opening of the new central and north exchange signals the completion of the first stage of a 20-year expansion plan which was drawn up in 1976.

The department hopes that by the end of this year it can, among others, provide about 35,000 telephone exchange lines. Meanwhile, In conjunction with the opening of the new exchanges, the Telecoms Dept is issuing Supplements to the 1979 Telepohone Directory.

The supplement shows the new telephone numbers of all private subscribers presently connected to Lambak and Manggis exchanges, which will close down on replacement by North Exchange.

Also included are some subscribers in the neighbouring area who are currently served by Bandar Seri Begawan Central exchange.

The new numbers of Government Offices situated in these areas are not shown in the Supplement and will be published separately.

It is necessary that the Supplement be used in conjunction with the February 1979 Telephone Directory.

Both of these will however be replaced by the 1980 Directory to be published in 2 to 3 months' time, coincident with the opening of a further new exchange at Mumong.

Supplements can be collected by subscribers from the following points:—

Brunei/Muara District—Telecoms Sales Office, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.

Belait District—Telecoms Office, Kuala Belait.

Tutong District — Telecoms Office, Tutong.

Temburong District — Telecoms Office, Bangar.

Supplements will be issued on production of the last receipted telephone account.



## Brig. Roberts leaves Brunei

BERAKAS. — The combined bands of the Royal Brunei Malay Regiment and the Gurkha Rifles were at the international airport here last week to bid musical farewell to the outgoing Commanding Officer of the regiment, Brigadier Dato Norman Roberts, after his 4½ years' service in Brunei.

Also at the airport to say good-bye to him and his wife were the British High Commissioner, Mr Watson, and the commanding officers of various units of the regiment.

Brigadier Dato Norman Roberts arrived in Brunei in 1975 to command the Royal Brunei Malay Regiment; in 1978 he was awarded the Order of the British Empire in the Queen's Honours List; in 1979, he was promoted to be Brigadier by the British Army.

The new Commanding Officer of the regiment, Brigadier Cameron will arrive in the State early next month.

## MB opens training centre

SERIA. — Schlumberger Overseas S.A. Training Centre located at Lorong 10 here was officially opened on Thursday by the Hon'ble the Mentri Besar, Y.A.B. Pengiran Dipa Negara Laila Di-Raja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail.

The centre has been working for the oil industry since 1927 and was a contractor for Brunei Shell Petroleum already in the early days of oil research in Brunei.

To perform electrical measurements in oil wells with sophisticated equipment, Schlumberger hires engineers in many countries of the world.

Prior to be sent to the field, these engineers undergo a 3-month period of theoritical and practical training in specialised training centres.

In order to face increasing demand for qualified engineers, a new Schlumberger Training Centre was suggested to be set up in Seria.

Two years ago, the Sultan-in-Council approved this project and work started at the end of 1978 when B.S.P. drilled 3 test wells of 700ft each for this Training Centre.

The Building was completed by the end of 1979 and the first group of newly hired engineers was trained in Brunei.

To commemorate the official opening of the Seria Training Centre. The Hon'ble, the Mentri Besar, unveiled a plaque on Thursday in the presence of several government officials, Brunei Shell Petroleum Managing Director and Schlumberger Overseas Vice-President of Far East Unit.

The ceremony was followed by a tour of this new building where equipment used to perform electrical measurements was exhibited.



AFTER the opening ceremony, the Mentri Besar is led to see the equipment being operated by an employee of the training centre.

## Foreign Police officers attend ceremony

GADONG. — Police officers from Singapore, Sarawak and Sabah were invited to attend the official opening ceremony on Saturday of the new police Hassanal Bolkiah Stadium here.

The opening ceremony was performed by the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah.

Among the state dignitaries present at the function were. YTM Paduka Seri Duli Pg Bendahara Seri Maharaja Permai Suara Pg Haji Muda Sufri Bolkiah, General Adviser, Menteri Besar and senior government officials.

Singapore Police Commissioner, Mr Goh Hong Yong arrived in Brunei last Thursday.

He was accompanied by the Director of Singapore Police Academy and the Officer Commanding the Marine Police.

Also arriving on the same day were 57 members of the Sarawak Police Force.

The Sarawak Deputy Police Commissioner arrived earlier. And Sabah's Deputy Commissioner of Police, Enchik Jaafar Abdul, his assistant, Enchik Mohd Som bin Hj Sulaiman and two other senior police officers arrived on Thursday.

## Consumer Price Index

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Statistics Section of State Secretariat has issued the Consumer Price Index for Brunei for the month of December, 1979.

The index worked out to 114.4 as against 114.3 for the previous month thus showing a rise of only 0.1 per cent.

This was mainly due to the slight general increase in the prices of food and clothing during the Christmas season.

However, the transport and communication index fell.

But, there are some price indices for the groups over the period remain unchanged. They were: i) Gross Rent, fuel and power; ii) Furniture, furnishings and household equipment and operation; iii) Recreation, entertainment, education and cultural services.

The following are some of the noticeable movements in the group indices.—

1) Food: The price index rose by 0.4 per cent to 115.4 in Dec, 1979. This was due to higher prices of meat. The subgroup indices of meat rose by 0.6 per cent to 117.1.

However, the price index for vegetables and vegetable products fell from 133.7 to 132.2 (—1. 1%).

2) Clothing and Footwear: The price index rose from 114.6 to 114.9 due to dearer prices of brief and socks for men.

3) Transport and Communication: Fall in the prices of cars due to the depreciation of the Yen against the Brunei Dollar reduced the subgroup index of purchase of personal transport from 124.2 to 122.7 (—1. 2%).

This brought down the group index from 116.3 to 115.5 (—0.7%).

4) Miscellaneous Goods and Services: The price index rose from 116.0 to 116.1 (0.1%) due to dearer prices of hair cream.

## Malaysian Ruler to visit Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Malaysian ruler, the Yang Di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong are to visit Brunei early next month.

It has been announced that the Royal Malaysian couple will be watching the progress of their team at the international polo tournament starting on the fourth.

Their son, the Tengku Mahkota of Pahang, will lead the team.

Being the Sultan of Pahang, the present ruler of Malaysia paid a visit to Brunei last year.

Soon after his visit to this country, he acceded to the throne as paramount ruler of Malaysia.

## Govt' business loan scheme

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei government always endeavours to help businessmen do the business.

Giving loans to them is one of the examples.

The Economic Development Board has said that more than 130 people have applied for the government's small and medium business loan scheme.

The loan has amounted to nearly six million and four hundred dollars.

Applications dated between August 1977 and December 1979 have been approved and this year alone, nine applications have been received.

Among the business carried out are filling stations, flats construction and retail shops.

## Resettlement application forms distributed

BANDAR SERI BEGAWAN. — The welfare of the government servants is being looked after carefully by the Brunei government.

The government is much concerned about the housing problem faced by the civil servants.

For this reason, the Resettlement Department is carrying out a resettlement project which will benefit thousands of Brunei subjects.

The dept has distributed application forms to more than three thousand government officers in divisions three, four and five who have applied for the government resettlement project.

The goverment has allocated 3 areas in the Brunei/Muara District for the first stage of the scheme.

They are Kampong Rimba in Gadong, Kampong Lambak Kanan in Berakas and Kampong Pengkalan Sibabau at Jalan Muara.

The government is also planning to extend the housing scheme to other districts.

Brunei subjects who are not government servants will also be considered for the resettlement project after the present project is materialised.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

**Siri ke-21**

# SIAPA KAH MULHID? (II)

DALIL 3

TIADA di-*naqalkan* (tiada di-petek) bahawa orang2 munafiqin itu membuat kerosakan di-atas muka bumi. Bilangan mereka pada masa itu sangat sedikit di-Medinah, tambahan pula tiada kekuatan pada mereka, sementara orang2 Islam sentiasa memerhatikan gerak geri mereka.

PEROSAK DUNIA

Jadi yang di-maksudkan dengan orang2 yang memenohkan dunia dengan kerosakan ia-lah orang2 mulhidin, yang ada pada zaamn sekarang, yang di-bantu oleh musoh2 Islam dengan undang2 yang bertopengkan nama kemajuan, nama tamaddun, nama kebebasan dalam bersuara, dalam perbuatan, fikiran dan pendapat. Orang2 mulhidin itu ialah askar shaitan dan balatentera *Dajjal* dan menjadi pengakap2 *Dajjal Besar* yang akan keluar pada akhir zaman dan memudahkan jalan bagi mengikut telunjok *Dajjal* yang akan datang. Mereka terdapat banyak di-negeri2 Utara Afrika, Sham dan Iraq, dan lain2 negeri Islam. Mereka berani ka-atas Allah dan berani melawan perentah-Nya. Mereka berani memerangi ugama Allah dengan menyiarkan berbagai2 rupa maksiat dan ilhad. Mereka suka menchachatkan Kor'an dan menchachi hadith2 Rasulullah, suka memburok2kan 'aqidah *As-Salf As-Salleh* dan *Ahli Sunnah Wal-Jamaah*, serta bersunggoh2 mengembangkan pengetahuan Eropah dan mengajak orang mengikut mereka pada segala perkara termasok berperangai sechara orang2 Eropah. Mereka menyangka itu-lah satu2 jalan sahaja yang membolehkan kita merdeka, bebas dan sa-umpama-nya. Ini-lah orang2 yang di-maksudkan membuat kerosakan di-atas muka bumi. Mereka mengajak manusia supaya keluar dari ugama Islam bahkan dari segala ugama, dengan peropaganda dalam buku2, majallah2, akhbar2, komek, di-sekolah2, di-kelab2 dan dengan segala tindak tandok mereka.

Adapun kerosakan yang di-buat oleh orang2 munafiqin pada zaman Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam) adalah dalam kawasan yang kechil dan terkawal. Jikalau ulama tafsir yang dahulu melihat pada orang2 mulhidin zaman sekarang neschaya mereka kembali dari penafsiran mereka ka-atas orang2 munafiqin kapad orang2 mulhidin zaman sekarang pada ayat yang tersebut sa-belum ini.

DALIL 4

Tiada pernah di-sebutkan bahawa Sahabat2 (radhiallahu 'anhum) berkata kapada orang2 munafiqin:

لاتفسدوا

dan tiada nyata kerosakan daripada mereka, ada pun yang ada pada mereka ia-lah *nifaq* dan *kufur* dalam diri mereka sendiri. Walaupun kedua-nya (nifaq *dan kufur)* dalam shara' di-namakan *fasad* tetapi mengikut akibat yang terjadi daripada kedua-nya, bukan-lah ia di-namakan dalam loghat *fasad* sa-hingga di-katakan kapada mereka

(لاتفسدوا)

hanya di-katakan: *"jangan kamu kufur dan jangan kamu nifaq"*

(لاتنافقوا) dan (لاتكفروا)

dan seumpama-nya. Lagi pun orang2 munafiqin itu tidak mahu menampakkan kekufuran mereka, sebalek-nya menzahirkan Islam mereka takutkan kepala merka di-panchong.

Dalam ayat itu Allah menerangkan apabila di-katakan kapada mereka *"jangan membuat kerosakan"*, maka mereka engkarkan perkataan itu dan mereka berkata bahawa mereka orang2 *ahli islah*. Sifat ini ternyata kapada orang2 mulhidin zaman sekarang. Telah banyak berlaku perdebatan di-antara mereka dengan orang Islam, penolakkan orang2 Islam ka-atas mereka melalui karangan2, makalah2, risalah2 dan penerangan2 dalam akhbar2 dan majallah2 menghendaki orang2 mulhidin itu supaya kembali beriman dengan Allah dan menyetujui *Ahli Sunnah Wal-Jama'ah* serta beri'tiqad dengan 'aqidah *Al-Iman* dan tundok kapada perentah2 dalam Al-Kor'an. Mereka menjawab yang benar itu ia-lah apa yang ada pada mereka dan apa yang di-ajak oleh orang mu'minin supaya beriman kapada Allah dan Rasulullah dan beramal sa-bagaimana amalan yang di-buat oleh orang2 Islam — menurut mereka — semua-nya mundor dan kono, sa-balek-nya konon mereka-lah *ahli2 islah*.

MULHIDIN LEBEH BAHAYA DARI MUNAFIQIN

DALIL 5

Ulama berkata bahawa ayat2 itu turun ka-atas orang2 munafiqin yang ada pada zaman Rasulullah (sallallahu 'alaihi Wasallam), akan tetapi orang2 munafiqin itu menipu orang2 Islam hanya sedikit sahaja, ia-itu dengan berpura2 beriman kapada Allah dan Rasul-Nya.

Adapun tipu daya yang sabenar2 itu datang daripada orang2 mulhidin dan mariqin dan orang2 yang melonchat keluar dari ugama Islam, mereka merosakkan berjuta2 umat Islam ia-itu berhubong dengan ugama mereka, 'aqidah mereka, akhlak mereka, sa-hingga orang2 Islam itu keluar dari batasan akal dan maruah. Sa-bagai chontoh di-antara kata2 mereka yang merosakkan: *"Kira-nya orang2 Islam itu tiada menjadi orang Barat dan meninggalkan ugama Islam, adab2 Islam, shi'ar2 Islam, adat resam Islam, maka mereka tiada akan maju, tiada akan bergerak, tiada akan merdeka"*, sementara orang2 Barat pula akan berkata kapada orang2 Islam: *"Kamu orang fanatik dalam ugama"*, dan sebagai-nya. Di'ayah2 dan hasutan2 mereka yang mengandongi rachun itu sa-bagian-nya telah mempengarohi fikiran orang Islam, sa-hingga perempuan2 dan orang2 muda berkata bahawa beriman dan beramal dengan ugama, mengikut perjalanan orang2 mu'minin dan adat resam ibu bapa Islam itu suatu khianat besar kapada ugama dan kapada tanah ayer. Dengan yang demikian ramai-lah pendudok negeri akan keluar dari ugama Islam dan terus keluar sa-hingga bangkit hari kiamat, tiada siapa pun lagi yang akan menguchap

لَا اِلٰهَ اِلَّا اللهُ

masa itu. Itu-lah penipuan yang di-lakukan terhadap Allah dan orang2 mu'minin, sa-bagaimana firman Allah dalam ayat 9 dari Al-Baqarah itu:

يُخٰدِعُوْنَ اللهَ وَالَّذِيْنَ اٰمَنُوْا وَمَا يَخْدَعُوْنَ اِلَّآ اَنْفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُوْنَ

Tafsir-nya: *"Mereka (orang2 mulhidin, yang mana menurut Sahabat Salman bahawa orang2 itu belum keluar, ya'ani hanya keluar pada masa kita ini) itu menipu Allah dan orang2 mu'minin, dan tiada-lah tipu daya mereka melainkan hanya balek kapada diri mereka dengan tiada di-sedari oleh mereka"*.

Orang2 mulhidin itu dapat menipu orang2 yang rendah akal dan orang2 jahil sahaja sa-hingga merosakkan ugama yang mereka pelok. Dan merka kufurkan Allah sedang mereka tiada sedari akan hal itu.

Adapun orang2 munafiqin di-zaman Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) ya'ani yang bermuka dua (pada zahir mereka beriman sedang pada batin mereka tetap dalam kufur tiada beriman kapada Allah dan Rassul-Nya), orang saperti ini kurang bahaya-nya kerana sa-seorang mu'min pun tiada tertipu oleh mereka itu, dan tiada-lah orang2 munafiqin itu dapat mengenakan benchana ka-atas sa-seorang mu'min pun apatah lagi hendak menipu berjuta2 umat Islam. Jadi-nya ayat 9 dari Surah Al-Baqarah itu mesti-lah turun dalam perkara orang2 *mariqin* yang melonchat keluar dari ugama Islam yang menipu berjuta2 orang2 bodoh di-zaman sekarang.

DALIL 6

Apabila orang2 mulhidin dan mariqin itu berhimpun dengan orang2 awam daripada kalangan orang2 mu'min, yang mereka agak dapat di-tarek ka-dalam jaring mereka dan boleh kira-nya mereka itu di-sesatkan dan di-jadikan mulhidin saperti mereka, maka orang2 mulhidin itu berkata: *"Kami ini orang2 mu'minin macham kamu juga, kami berkhidmat untok ugama Islam, kami juga berkerja membaiki masharakat ramai"*.

TIPU HELAH MULHIDIN

Tetapi apabila orang2 mulhidin itu kembali dan berkumpol dengan kepala2 dan kawan2 yang sa-haluan dengan mereka (seteru2 'aqidah atau kepercayaan orang2 Islam) maka orang2 mereka itu berkata pula kapada ketua2 mereka: *"Kami semua-nya bersama2 kamu dan kami hanya mempersenda dan mengolok2kan orang2 bodoh itu"*.

Allah telah menyebutkan perihal orang2 mulhidin dalam ayat 14 dari Surah Al-Baqarah itu:

وَاِذَا لَقُوا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا قَالُوْٓا اٰمَنَّا وَاِذَا خَلَوْا اِلٰى شَيٰطِيْنِهِمْ قَالُوْٓا اِنَّا مَعَكُمْ اِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُوْنَ

Tafsir-nya: *"Apabila mereka (orang mulhidin) berjumpa dan berhimpun dengan orang2 mu'minin mereka berpura2 dan berkata kami ini beriman macham kamu beriman, dan apabila mereka datang dan kembali kapada shaitan2 mereka (ketua2, penganjor2 dan orang2 pakatan mereka) mereka berkata pula "kami ada bersama2 kamu dan kami hanya mengolok2 dan mempermain2kan orang2 bodoh itu (mereka namakan orang2 mu'minin itu-lah orang2 bodoh)"* Ini-lah anggapan golongan yang tidak perchayakan Tuhan kapada orang2 Islam.

Kata orang2 mulhidin itu kapada ketua2 mereka: "Kami berbichara dengan mereka (orang2 mu'minin itu) menchari suatu jalan sa-hingga ada suatu peluang baharu-lah kami berterus terang dengan mereka, dan menyatakan kapada mereka tujuan kami yang sabenar-nya, kira-nya kami berterus terang dengan tujuan kami itu sa-belum sampai masa-nya sudah tentu-lah akan merosakkan pula tipu helah kami". Begini-lah kata kumpolan orang2 mulhidin itu (bagaimana kata Al-'Allamah As-Syed Ahmad As-Siddek dalam kitab-nya Mutabaqat — Al-Ikhtira'at Al-Asriyah). Kata-nya: *"Kumpolan2 itu telah di-bawa ka-mahkamah dan di-dakwa atas tudohan menentang ugama rasmi. Orang2 itu menolak tudohan itu dan mereka berkata bahawa merka tiada kufur dan tiada ilhad sebalek-nya mereka tetap dalam iman, dan mereka putar belitkan perkataan2 ilhad yang telah di-tulis oleh mereka dalam renchana2 dan karangan2 mereka. Apabila mereka lepas dari tudohan itu, mereka bersenda2 dan mengolok2kan Kor'an dan ugama Islam dan orang2 Islam.*

WALLAHU A'ALAM

(Bersambong)

# TAWADHU'

SA-BAIK2 manusia ia-lah orang yang beriman lagi baik akhlak-nya. Dan salah satu daripada akhlak yang baik itu ia-lah tawadhu'. Orang biasa mengertikan tawadhu' itu sa-bagai merendah diri yang lawan-nya takbur atau sombong.

Orang yang tawadhu' itu di-sukai oleh keluarga-nya, di-sukai oleh masharakat-nya, malah di-sukai oleh Allah s.w.t. Sa-balik-nya orang yang sombong itu di-benchi oleh orang2 yang berada di-sekeliling-nya dan di-chela oleh masharakat-nya serta di-murkai oleh Allah s.w.t.

Mari kita ikuti beberapa chontoh yang menunjokkan bahawa Allah s.w.t. mengangkat darjat manusia, binatang dan beberapa jenis makhlok-nya yang lain yang tawadhu' kapada-nya, dan merendahkan darjat mereka yang membanggakan diri masing2.

Yang pertama: Allah s.w.t. telah mewahyukan kapada segala gunong-ganang dengan firman-Nya: *"Sa-sunggoh-nya Aku akan dudokkan bahtera Nabi Noh beserta orang2 yang beriman dengan-nya di-atas salah satu di-antara kamu"*. Lalu segala gunong-ganang itu pun "bertinggi-tinggi dan menyombongkan diri gunong Al-Judi yang tawadhu' kapada Allah lalu berkata: Darimana-kah Aku beroleh daya kuasa sa-hingga Allah Ta'ala menundokkan bahtera Nabi Noh a.s. di-atas ku. Lalu Allah angkat darjat gunong Al-Judi itu dengan memberi kemuliaan di-letakkan di-atas-nya bahtera Nabi Noh sedang lain2 gunong tidak.

Sa-bagaimana firman Allah dalam surah Hud yang bermaksud: *"Dan bahtera Nabi Noh itu pun menetap di-atas gunong Al-Judi"* *Gunong-ganang yang lain itu pun berkata kapada Allah: Wahai Tuhan kami kenapa-kah Tuhan kami lebehkan gunong Al-Judi daripada kami sedangkan ia ada-lah gunong yang paling kechil di-antara kami? Jawab Allah: Ia tawadhu' kapada Aku, dan ada-lah menjadi hak Ku mengangkat darjat sa-siapa yang tawadhu' kapada Aku' dan merendahkan darjat sa-siapa yang takbur kapada Aku.*

Yang kedua: Allah Ta'ala telah mewahyukan kapada segala gunong-ganang lalu berfirman: *Sa-sunggoh-nya Aku akan berchakap-chakap dengan sa-orang daripada hamba2 Ku di-atas salah sa-buah di-antara kamu. Lalu segala gunong-ganang itu masing2 menyombong diri kapada Allah kechuali gunong Tur di-Semenanjong Sinai yang berlaku tawadhu' kapada Allah dengan berkata: Siapa-kah aku sa-hingga Allah berchakap-chakap dengan sa-orang daripada hamba2 Nya di-atas ku. Maka kerana tawadhu'-nya gunong Tur itu lalu Allah korniakan kemudiaan kapada-nya dengan mengangkat darjat-nya daripada lain2 gunong ia-itu Allah Ta'ala berkenan berchakap-chakap dengan Nabi Musa a.s. di-atas-nya.*

Yang ketiga: Allah Ta'ala telah mewahyukan kapada segala ikan lalu berfirman: ... *Sa-sunggoh-nya Aku akan memasokkan Nabi Yunos ka-dalam perut salah sa-ekor di-antara kamu. Lalu segala ikan itu pun menyombongkan diri masing2 kechuali sa-ekor di-antara yang tawadhu' lalu berkata: Siapa-kah aku sa-hingga Allah Ta'ala jadikan perut ku tempat masok-nya Nabi Yunos a.s. Maka kerana tawadhu'-nya itu lalu Allah angkat darjat-nya dengan memileh-nya sa-bagai tempat memasokkan Nabi Yunos a.s. ke-dalam perut-nya.*

Yang ke-empat: Allah Ta'ala telah mewahyukan kapada segala jenis burong dengan berfirman: *Sa-sunggoh-nya aku akan tarohkan sa-jenis minuman pada diri salah sa-ekor di-antara kamu untok menjadi ubat kechuali lebah yang segala burong itu berlaku sombong kapada Allah kechuali lebeh yang tawadhu' kapada-nya lalu berkata: Siapa-kah aku sa-hingga Allah tarohkan minuman yang jadi ubat kapada manusia pada diri ku. Maka kerana tawadhu'-nya lebah itu lalu Allah angkat darjat-nya dengan memileh-nya sa-bagai tempat menaroh madu pada diri-nya.*

Yang Kelima: Allah Ta'ala telah mewahyukan kapada Nabi Ibrahim a.s. lalu berfirman: *Siapa-kah engkau? jawab Nabi Ibrahim aku kekaseh Allah. Allah berfirman kapada Nabi Musa a.s.: siapa-kah engkau? Jawab Nabi Musa: Aku sa-orang yang dapat berchakap-chakap dengan Allah. Firman-Nya kapada Nabi Isa a.s.: Siapa-kah engkau? Aku roh. Kemudian Allah berfirman kapada Nabi Muhammad s.a.w. Siapa-kah engkau? Jawab Nabi Muhammad s.a.w.: Aku anak yatim.* Dengan jawapan itu alang-kah tawadhu'-nya Nabi Muhammad s.a.w. walaupun Baginda mempunyai kelebehan yang tinggi tetapi yang di-tunjokkan oleh Baginda ia-lah sa-bagai anak yatim, maka dengan tawadhu' yang lebeh itu Allah mengangkat darjat Baginda melebehi sekalian Nabi2 dan Rasul2, sa-bagaimana firman Allah di-dalam Surah Ad-Duha yang bermaksud: "Dan demi sesunggoh-nya, neschaya Tuhan mu akan korniakan nekmat kapada mu (wahai Muhammad) sampai engkau bersukachita.



Yang ke-enam: Orang mukmin yang tawadhu' kapada Allah dengan sujud dan bertauhid neschaya Allah memuliakan dia dengan melapangkan dada-nya dengan Ugama Islam dan di-korniakan chahaya kapada-nya oleh Tuhan-nya.

Ambil-lah iktibar dan pengajaran daripada chontoh2 di-atas tadi. Dan pastikan-lah bahawa segala pangkat, kebesaran, kekayaan, kegagahan, kechantekan, kelulusan yang tinggi, dan segala kelebehan yang di-korniakan oleh Allah kapada kita jangan-lah sampai menjadi sebab kita takbur dan menyombongkan diri kelakuan yang demikian itu tidak di-sukai oleh Allah. Allah jua-lah yang maha gagah, bersifat kibria dan ampunya kebesaran dan kemegahan, sedangkan kita ada-lah makhlok yang di-jadikan-nya lagi sentiasa berhajat kapada-Nya. Maka ada-lah tidak patut dan tidak wajar kita takbur kapada Allah atau kita berlaku sombong terhadap makhlok Allah. Ketahui-lah bahawa Allah Ta'ala hanya mengangkat darjat orang2 yang tawadhu'.

# MENYEKAT KEHENDAK HATI DALAM MENURUTI KEBEBASAN

## Bingkisan minggu ini

MEMANG-NYA menjadi kebiasaan bagi sa-tengah2 orang, apabila kehendak hati-nya di-sekat ia akan menjadi marah. Lantas akan keluar-lah bermacham-macham perkataan dari mulut-nya yang mana bertujuan untok menegakkan kehendak hati-nya itu. 'Payah jua eh, semua-nya inda kan boleh, ani salah atu pun salah'. Jua tidak di-nafikan ia akan meninggalkan kesan yang tidak baik di-kemudian nanti jika ia maseh jua menggagah-gagahi dengan sikap-nya itu.

Dalam satu keluarga mithalan-nya, sa-orang bapa yang bertang-gong-jawab tidak akan begitu mudah membiarkan anak2-nya keluar rumah dengan sa-wenang2-nya apa-tah lagi membiarkan anak perempuan. Tentu-nya terlebeh dahulu ia akan menanyakan tujuan anak2 itu keluar dan kalau alasan2 yang di-berikan itu berpatutan dan munasabah baru-lah kebenaran akan di-berikan. Ini-lah suatu langkah yang bijaksana dan patut untok di-ikuti.

Sa-bagai sa-orang anak yang bertang-gong-jawab dan tahu menghormati orang tua-nya pula mesti-lah patoh akan larangan dan tegor sapa ibu-bapa-nya, jika ia di-tegor dan di-larang, Ini bukan-lah bertujuan untok menyekat akan kehendak hati dan kebebasan tapi ada-lah untok mendidek dan mengasoh kita supaya menjadi orang yang berguna.

Kalau kita tidak mengindahkan tegoran orang tua kita tentu-lah serba sedikit kita akan terjangkit dengan penyakit pergaulan yang terlalu bebas dan akhir-nya akan menjahanamkan diri sendiri. Chuba kita lihat saja sekarang ini, akibat2 dari pergaulan2 yang bebas tanpa mengindahkan tegoran ibu-bapa, hasil-nya akan mendukachitakan.

Mungkin kita pernah melihat dengan mata kepala sendiri, ataupun kita mendengar melalui radio dan talivishen ataupun melalui surat2 khabar, akibat2 dari pergaulan yang terlalu bebas ini. Ada yang di-tangkap dan di-denda kerana dadah, ada pula yang menubohkan kumpolan rompak di-bandar2, pechah kerita, churi tayar, dan bermacham-macham lagi kegiatan2 jenayah.

Dan jua mungkin kita pernah bertemu dengan kumpolan kanak2 yang meminta2 duit di-kedai2 kopi dan di-jalanan. Dan pendeknya, akibat dari pergaulan yang terlalu bebas tanpa mengindahkan tegoran ibu-bapa ini akan dapat meruntohkan akhlak dan moral sa-seorang.

Jadi-nya kalau kita fikirkan kembali hal ini, kita akan berani mengatakan, ini-lah sebab-nya kenapa ibu-bapa memberatkan kebebasan anak2-nya. Ia bukan-lah sa-mata2 tidak mendulor akan kemahuan anak sa-bagaimana sa-tengah2 dakwaan, tapi ada-lah untok kebaikan diri anak2 itu sendiri yang akhir-nya ia akan berguna pada keluarga, bangsa dan negara.

Menyentoh tentang menyekat kebebasan ini, kita ambil satu chontoh yang mudah. Bayangkan yang kita sedang berada di-sebatang jalan-raya, tiba2 kita ternampak satu tanda jalan yang menggambarkan sa-ekor kerbau. Kita tidak mengindahkan akan amaran tanda jalan tadi dan sa-olah2 tanda jalan itu tiada bermakna bagi diri kita. Tapi apa hal-nya kalau di-dalam perjalanan di-kawasan tersebut kita menemui kemalangan dengan melanggar sa-ekor kerbau? Tentu-lah kita akan berasa kesal kerana tidak mengindahkan isharat tersebut.

Ini-lah antara chontoh2 yang nyata tentang kebaikkan sa-suatu tegahan dan sekatan itu. Ia bukan-lah senghaja di-adakan tapi ada-lah untok kebaikan bersama. Jadi-nya kenapa-kah kita mesti marah dan menyalahkan kapada orang yang ingin menguasai dan memperbaiki serta menyelamatkan diri kita? Sa-patut-nya kita bershukor kerana ada-nya daya usaha untok membimbing dan membisaikan kita.

Sa-benar-nya menegor dan membataskan kebebasan anak2 itu ada-lah berupa salah satu dari tang-gong-jawab ibu-bapa, yang mana bertujuan untok mengawal mereka supaya tidak kuai sana dan kuai sini tanpa tujuan. Bagi yang di-tegor pula mesti-lah patoh pada kata ibu-bapa-nya kerana ini pun berupa tang-gong-jawab-nya terhadap orang tua-nya.

Akhir-nya kita renongkan Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksud-nya kira2 *"Sa-sunggoh-nya kamu mempunyai tanggong-jawab terhadap Tuhan kamu, terhadap diri mu dan terhadap keluarga mu"*.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27hb Februari, 1980 hingga kahari Selasa 4hb Mach, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27hb Feb | 12.38 | 3.58 | 6.38 | 7.48 | 5.03 | 5.17 | 6.32 |
| 28hb Feb | 12.38 | 3.58 | 6.38 | 7.48 | 5.03 | 5.17 | 6.32 |
| 29hb Feb | 12.38 | 3.58 | 6.38 | 7.48 | 5.03 | 5.17 | 6.32 |
| 1hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 2hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 3hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 4hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Kursus2 bimbingan pelajaran tambahan TABIKA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yunit Pendidekan Pelajaran Tinggi Sekolah TABIKA Nusa Laila Puteri, menganjorkan beberapa kursus pelajaran tambahan yang bersifat tuition atau kursus intensif yang memberikan kesan yang amat baik kapada pelajar2.

Tujuan di-adakan kursus tersebut ia-lah supaya memberikan kesempatan kapada pelajar2 untok mendapatkan pelajaran tambahan tuition untok mendalami serta memahami huraian2 pelajaran. Ia-nya juga merupakan mendokong chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bagi melaksanakan kemajuan pendidekan dan pelajaran di-negeri ini.

Demikian antara lain telah di-nyatakan kapada Pelita Brunei, minggu ini, oleh Penasihat dan Ketua Pentadbir TABIKA, Pg Amir Mohd Yusof bin Pg Haji Abas. "Pelajar2 yang mengikuti kursus itu bukan hanya memperolehi ilmu pengetahuan yang efektif dan membantu mendapatkan kelulusan y a n g b a i k di-dalam pepereksaan akhir tahun, malahan ia-nya juga memberikan serta memupuk perasaan meminati dan menchintai ilmu pengetahuan di-samping menambahkan pengalaman dan pelajaran mereka", jelas beliau.

Pelita Brunei di-fahamkan bahawa pehak penganjor TABIKA Nusa Laila Puteri juga memberikan *dermasiswa pelajaran perchuma* kapada anak2 yatim, ia-itu, dari Primary Enam hingga-lah ka-Tingkatan Lima.

Menurut pehak penganjor bahawa peluang itu di-berikan kapada anak2 yatim, kerana pehak TABIKA merasakan wajar dan bertanggong-jawab untok mendidek dan membimbing mereka itu ka-arah yang kita kehendaki, untok menjadikan mereka itu orang2 yang berilmu pengetahuan dan berguna kapada bangsa, Raja, tanah ayer dan ugama di-kemudian hari nanti.

Penganjor TABIKA menyeru supaya ahli2 waris atau wali anak2 tersebut itu akan dapat mendaftarkan nama anak2 yatim itu kapada pehak-nya. Dan kapada para ibubapa yang berhajat untok mendapatkan borang2 masok untok kursus2 itu ada-lah di-minta berbuat dengan seberapa segera, kerana bilangan penuntut2 yang akan di-terima ada-lah terhad.

Menurut pehak penganjor lagi, pada tahun 1979 yang lalu kursus2 saperti itu dapat memberikan kejayaan yang chemerlang kapada pelajar2 yang berkursus di-Pusat Pendidekan TABIKA. Pendaftaran bagi semua bimbingan kursus itu hendak-lah di-lakukan di-Sekolah TABIKA Pusat sahaja, ia-itu Batu ½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.

Bahagian2 kursus akademik itu ada-lah saperti berikut:— i) Darjah Enam (Pepereksaan tamat Sekolah Rendah) tiga kali sa-minggu; ii) Tingkatan I dan II (Kelas Ulangkaji Khas) tiga kali sa-minggu; iii) Tingkatan III (Pepereksaan Brunei Junior) empat kali sa-minggu dan iv) Tingkatan V (Pepereksaan General Certificate) empat kali sa-minggu.



## Majlis perjumpaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis perjumpaan di-antara YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Hj Mohd Zain bin Haji Serud-din, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dengan pegawai2 masjid dan guru2 ugama di-Daerah Brunei dan Muara telah di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan disini pada hari Selasa yang baru lalu.

Tujuan perjumpaan itu di-adakan antara lain-nya untok membinchangkan masaalah2 pendidekan dan perkembangan Ugama Islam di-daerah berkenaan.

Turut hadhir di-majlis tersebut termasok-lah Kadzi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd Hamid bin Bakal dan Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Haji Abd Rahman bin Khatib Abdullah serta beberapa orang pegawai2 kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Perjumpaan yang sama juga pernah di-adakan di-Daerah Temburong pada hari Ahad 10hb Februari yang lalu.

## Sebutan daawah songsang tidak pernah di-bangkitkan di-Brunei

SUNGAI BESAR. — Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menekankan bahawa di-Brunei tidak pernah membangkit2kan sebutan daawah songsang dan tidak pernah menjadikan sebutan2 yang ugama sa-bagai alat serta topeng bagi maksud lain sama ada bagi kepentingan sendiri mahupun untok satu2 pergerakkan.

Ini kata-nya, kerana kerajaan dari awal2 lagi telah memileh asas landasan yang betul dalam usaha memajukan Islam di-negeri ini di-mana kerajaan mengambil sepenoh-nya tanggong-jawab mengenai hal ehwal ugama dan orang ramai pula di-gerakkan untok sama2 mendukong tanggong-jawab itu dengan sabar.

"Maka dengan itu terbentok-lah suasana timbal balek dalam bentok kerjasama d a n p e r-sefahaman yang erat di-antara kerajaan dengan orang ramai dalam mendukong chita2 keugamaan yang asas-nya memang sedia kukoh sejak turun temurun di-negeri kita Brunei Darusalam ini", jelas-nya lagi.

Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Peraduan Sharahan anjoran Belia2 Kampong Sungai Besar yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin di-sini pada malam Ahad lalu, Awang Haji Badaruddin menambah kata bahawa kegiatan ugama dalam berbagai2 chorak ada-lah sangat mendapat perhatian dari masharakat kita di-negeri ini.

Kata-nya, penyertaan orang ramai dalam apa jua bentok perayaan dan bahkan dalam sa-chara beribadat di-semua perengkat sudah pun ketara membooktikan yang orang2 kita sedia berperasaan dan berkesedaran terhadap tanggong-jawab keugamaan.

Untok tujuan sa-umpama itu, Awang Haji Badaruddin juga telah menyeru belia2 atau golongan orang2 muda di-negeri ini supaya akan dapat melibatkan diri dalam semua kegiatan pada meningkatkan semangat berperasaan dan berkesedaran teradap Ugama Islam yang maha suchi itu.

"Saya perchaya hal ini sudah di-fahami dengan baik-nya oleh orang ramai, tinggal lagi ia memerlukan tenaga2 yang berkemahuan bagi mengerakkan kegiatan dalam berbagai2 perengkat. Tidak shak lagi tenaga2 saudara dalam menganjorkan sambutan dan peraduan saperti ini ia-lah satu chontoh tenaga yang di-perlukan" ujar beliau.

"Dan saya tidak meragukan bahawa tenaga sa-umpama itu ada banyak lagi terdapat di-mana-mana chuma tinggal di-ator dan di-pimpin sahaja lagi". jelas beliau selanjut-nya.

Maka bagi maksud mengator dan memimpin itu, tambah Awang Haji Badaruddin, ia-nya boleh di-lakukan oleh guru2 umom atau guru2 ugama serta orang yang benar2 bersemangat memimpin di-kawasan berkenaan.

Sa-sunggoh-nya chara sademikian itu, jelas-nya lagi, ada-lah merupakan sa-bahagian jaminan yang berkesan bagi keselamatan serta ketenteraman hidup kita dan kita harus menurunkan-nya hingga ka-anak chuchu pada mengekalkan suasana keugamaan di-negeri ini.

Dalam hubongan ini, jelas beliau, kerajaan sentiasa berusaha dengan mengambil langkah2 pada meningkatkan lagi semangat berperasaan dan berkesedaran itu tanpa keluar dari garis semangat berugama yang betul lagi tepat.

Strateji sa-umpama itu, kata-nya, sunggoh berkesan di-mana kita telah merasakan nekmat berugama dalam keadaan yang tenang dan tenteram dengan semua lapisan2 masharakat kita.

Tempat pertama dalam peraduan itu telah di-menangi oleh Awang Talip bin Ibrahim dari Kampong Pelambayan, kedua jatoh kapada Awang Aziz bin Ahmad dari Kampong Kota Batu dan tempat ketiga telah di-menangi oleh Awang Suhaili bin Kula dari Kampong Sungai Besar.

# PEMIMPIN2 PENGAKAP DI-SERU BERUSAHA MEMBENTOK BELIA2 YANG BERGUNA KAPADA NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Leftenan Kolonel Pengiran Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Hj Apong telah menyeru pemimpin2 pengakap supaya berusaha pada melipat-gandakan usaha dalam membantu membentok belia2 di-negeri ini untok menjadi warganegara yang berguna kapada negara dan masharakat melalui berbagai2 bidang latehan.

Di-samping itu mereka juga di-seru berusaha dengan gigih pada meninggikan pergerakan pengakap di-negeri ini supaya akan berjalan dengan menchabar zaman dan zamann y a tanpa kendur2.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja membuat seruan demikian ketika bersabda sa-jurus sabelum merasmikan Seminar Jurulateh Pemimpin2 Pengakap yang telah di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada hari Sabtu yang baru lalu.

Yang Amat Mulia bersabda, kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak kendur2-nya berusaha dalam memimpin negara supaya penghuni2-nya benar2 layak dan tahu menggunakan zaman-nya di-semua bidang jurusan termasok belia2 dan jenerasi2 yang akan datang supaya b e n a r2 melibatkan diri dalam membentok semangat sa-bagai belia yang sedar pada zaman-nya.

Maka dengan itu juga kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan telah dapat berusaha dan meninggikan lagi pimpinan belia2 terutama belia2 yang beruniform saperti pengakap, sabda Yang Amat Mulia.

"Saya perchaya dengan galakan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan yang menganjorkan seminar ini akan memberi pengertian betapa besar-nya hasrat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada meninggikan lagi pergerakan belia2 terutama sekali belia2 yang beruniform saperti Awang2 dan Dayang2 hari ini", jelas Yang Amat Mulia itu lagi.

Dalam menchapai ka-taraf yang lebeh bermaana di-perengkat antarabangsa sabda Yang Amat Mulia itu lagi, Persatuan Pengakap Negeri Brunei juga telah menuju ka-hadapan bagi mensetarafkan persatuan ini dengan pertubohan2 pengakap sa-dunia dan Rantau Asia Pasifik sa-bagai ahli penoh di-kedua2 pertubohan sa-umpama itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja juga penoh perchaya bahawa persatuan Pengakap Negeri Brunei akan menempoh chabaran yang mana akan menggalakan persatuan ini di-semua sudut termasok bidang latehan supaya saimbang dengan kehendak2 Brunei yang berideolojikan keislaman dan pada menempoh kemerdekaan Brunei menjelang tahun 1983 kelak.

"Awang2 dan Dayang2 yang mengabongkan diri dalam pergerakan pengakap di-negeri ini ada-lah merupakan lembaga yang perlu yang penting pada mengimbangkan kebolehan dan pegalaman untok menchapai zaman Persatuan Pengakap Negeri Brunei berdiri diatas perlembagaan sendiri dengan mempunyai chief scout-nya sendiri", sabda Yang Amat Mulia selanjut-nya.

Seminar yang di-adakan pada hari itu, sabda Yang Amat Mulia itu lagi, ada-lah di-harapkan akan dapat mengkaji dan membaharui teknik2 dan latehan2 pemimpin2 pengakap supaya latehan pemimpin2 pengakap yang ada sekarang di-Brunei dapat di-sesuaikan kapada kehendak dan suasana keperibadian negeri kita yang sedang membangun ini.

Turut beruchap di-upachara itu ia-lah Ketua Pesurohjaya Pengakap Negeri Brunei, Pengiran Haji Sani bin Pengiran Haji Ahmad.

Seminar sa-lama dua hari itu telah di-sertai oleh sa-ramai 24 orang pemimpin2 pengakap dan telah di-kelolakan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan. Dalam seminar itu para peserta telah dapat mendengarkan beberapa cheramah2 mengenai dengan kepimpinan jurulateh pengakap yang telah di-sampaikan oleh beberapa orang pemimpin pengakap Negeri Brunei.



# MAKING A HOME

THIS is the house that the Newn family built. You can hear more about it on this week's Making A Home programme, through the English Service of Radio Brunei, on Saturday 1st March, 1980 at 12.45 pm, when Charan Chand and James Thomason interview Miss Dorothy Newn at her home. You can also tune in for its repeat broadcast on Wednesday 5th March, at 9.30 pm.

Shown in this picture on the left is the home of Awang Jupp that you had heard about on last week's edition of Making A Home programme. Awang Alias (left), is seen here with his wife next to him, describing the landscape to Mr James Thomason (second from right) and Nafisah Haji Ali the producer (far right).



# Hitachi Southern Cross Cup — Selasa, 10.55 malam



PADA hari Selasa akan datang, sa-bagai mengganti-kan ranchangan Gusti, RTB akan menayangkan The 1979 Hitachi Southern Cross Cup yang telah di-adakan di-Sydney, Australia dalam bulan Disember tahun lalu.

Siri ini yang mempunyai konsep yang sama saperti Admiral's Cup, telah menarek peserta2 pasokan2 kapal2 layar tradisi di-antara-nya dari Great Britain, Amerika Sharikat, Jepun dan Argentina. Salah satu perlumbaan — 630 batu Sydney — Hobrat di-anggap sa-bagai salah satu klasik perlumbaan lautan yang paling sukar.

Gambar kiri memperlihatkan "Windward Passage" yang mewakili Amerika Sharikat dalam salah satu perlumbaan tersebut.

## intisari RTB minggu ini

WORZEL GUMMIDGE (Jon Pertwee), patong yang nakal menjadi hidup dan berchakap2 dengan dua orang teman barunya, John dan Sue Peters (Jeremy Austin dan Charlotte Coleman) dalam "Worzel Gummidge" yang di-tayangkan pada hari Jumaat jam 4.30 petang.



# "The Sand Pebble"



THE SAND PEBBLE ia-lah merupakan sa-buah drama sa-belum Perang Dunia Pertama, Negeri China berperang menentang tentera agong dan "kuasa2 perjanjian" asing dan sa-buah kapal meriam kechil terperangkap di-tengah2 huru-hara ini.

Ia-nya ada-lah merupakan filem terbesar pertama bagi Amerika yang pernah di-buat di-Taiwan. Penggambaran di-buat di-pinggir Red China membawa kapada peperangan di-mana kapal meriam kechil menghadapi pengepungan, salah satu peperangan di-laut yang paling luarbiasa pernah di-gambarkan.

Filem ini di-bintangi oleh bintang handalan Steve McQueen, mengikut majalah Times yang mengatakan "telah memberikan persembahan yang paling ulong dalam kerja-nya". Turut membintangi filem ini ia-lah Richard Attenborough, Richard Crenna dan Candice Bergen.

Gambar kiri menunjokkan salah satu adegan dari The Sand Pebble.



GAMBAR atas kelihatan Pegawai Pemerentah Pusat Latehan AMDB, Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Lt Kol Datu Paduka Awang Haji Abdul Aziz memereksa barisan Askar Muda dalam upachara tamat latehan pada hari Jumaat lepas.

## Upachara tamat latehan

BERAKAS.—Satu upachara perbarisan Tamat Latehan penggal pertama bagi Pasokan Askar Muda bagi pengambilan yang kedua telah di-langsongkan di-Padang Perkhemahan Bolkiah di-sini pada hari Jumaat yang baru lalu.

Pegawai Pemerentah Pusat Latehan Askar Melayu Diraja yang baru di-lantek, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Leftenan Kolonel Datu Paduka Awg Haji Abdul Aziz bin Abdullah telah di-beri penghormatan untok menerima tabek dan memereksa perbarisan di-upachara tersebut.

Upachara perbarisan tamat latehan pada pagi itu telah di-ketuai oleh Leftenan Hasnan bin Abdullah. Dan antara ahli2 yang mengambil bahagian dalam perbarisan itu termasok-lah Pemangku Pegawai Memerintah Pasokan Askar Muda, Lt Dato Paduka Haji Bahar bin Hj Tamat sementara Sarjan Major perbarisan ia-lah Pegawai Warrant 2, Awang Duraman bin Hj Samat.

Dalam uchapan-nya Pegawai Pemerentah itu telah menggesa askar2 muda yang baru tamat itu supaya mengekalkan taraf rekod tentera dan akademik serta disiplin yang baik.

Upachara perbarisan itu juga telah di-hadhiri oleh pegawai2 kanan Askar Melayu Diraja Brunei serta kaum keluarga dan sahabat handai askar2 muda yang menamatkan latehan pada hari itu.

## Keputusan pereksa GCE

Dari muka 9

bte Hamdan 3, Dk Jauyah bte Pg Md Zaini 3, Dy Arbi bte Tamin 3, Nasiah bte Hj Momin 3, Rusnah bte Lamat 3, Dk Siti Amal Kariah Pg H Ahmad 3.

Dk Norlia PSJ Pg Hj Abd Momin 3, Anih bte Simpul 3, Jijah bte Panjang 3, Masni bte Abu Bakar 3, Rosni bte Minuddin 3, Fatmah bte Hj Mahadi 3, Norhani bte Hj Dagang 3, Wan Rahmani bte Hj Suhaili 3.

**ADULT EDUCATION CENTRE, BANDAR SERI BEGAWAN**

Hj Abu Bakar bin Hj Momin 3, Ak Hj Kamalludin bin Pg Hj Damit 3.

**PRIVATE CANDIDATES, BANDAR SERI BEGAWAN**

Edah bte Hj Mohamad Noor 5, Lin Chiu Nan 5, Masmulia bte Matamit 5, Ho Siew Ming 3, Lau Chiew Hun 3.

**PRIVATE CANDIDATES, TUTONG**

Saharah bte Haji Abd Wahab 3.

**PRIVATE CANDIDATES, SERIA**

Rohana Mohd Yusof 6, Lim Kok Seng 6, Milah bte Malik 4, Kenneth Anthony Graeme 4, Chu Lee Yun 3.

**PRIVATE CANDIDATES, KUALA BELAIT**

Lim Nam Foh 4, Wong Teck Cheong 3.

## SIKAP BERGOTONG-ROYONG HARUS DI-AMALKAN

TEMBURONG. — Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Hj Hussain telah mengingatkan kapada pendudok2 Kampong Lepong Baru dan Kampong Semabat supaya akan sentiasa bekerjasama dan menanamkan sikap bergotong-royong di-antara sasama sendiri.

Kerana, kata-nya, dengan semangat dan sikap itu sahaja-lah baharu-lah kita akan menchapai kehidupan yang lebeh bermaana di-mana ia-nya bukan sahaja akan membisaikan lagi alam sekitar di-tempat tersebut malah akan dapat menghindarkan dari sa-barang penyakit yang berjangkit.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Hj Hussain membuat ingatan demikian ketika beruchap bagi merasmikan menandakan selesai-nya projek2 membersehkan dua buah Rumah Panjang di-Kampong Lepong Baru dan Kampong Semabat yang telah di-adakan pada hari Jumaat yang baru lalu.

Projek tersebut telah dianjorkan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan dan Badan Pekerja2 Sosial dan Pembangunan Masharakat. Projek itu juga telah di-bantu oleh Badan Kebajikan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan serta kakitangan dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan pendudok2 berkenaan.

Kedua2 kampong yang telah di-bersehkan itu kini mempunyai empat buah tandas ia-itu dua buah tiap2 sa-buah kampong di-mana pembenaan tandas2 tersebut telah di-laksanakan oleh kakitangan dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang memakan masa kira2 lima hari untok menyiapkan-nya.

Maka dengan terbena-nya tandas2 tersebut, ahli2 jawatankuasa pekerja2 sosial dan pembangunan masharakat telah menyeru pendudok2 di-Kampong Lepong Baru dan Kampong Semabat supaya akan menggunakan tandas itu dengan baik kerana ia-nya di-dirikan adalah samata-mata untok kemudahan2 kampong2 tersebut.

Ahli2 jawatankuasa juga telah meminta ketua2 kampong serta anak2 kampong berkenaan akan dapat membisaikan lagi kawasan alam sekitar itu dengan membersehkan-nya pada tiap2 hari dan bukan-nya sa-takat dalam waktu pelancharan itu sahaja.

Projek pelancharan itu telah di-sertai oleh lebeh daripada tujoh puloh orang pekerja2 sosial. Turut menyertai pelancharan itu termasok-lah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakob bin Haji Ahmad, Pegawai Kesihatan, Awang Chua Kong Seng serta pegawai2 Kanan dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan.





PENDUDOK2 dari Kampong2 Lepong Baru dan Semabat turut sama menyertai projek membersehkan rumah panjang bagi kampong2 tersebut.

## 122 masok pereksa musik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 122 orang penuntut2 kelas musik di-negeri ini akan menghadapi pepereksaan teori di-bawah kelolaan Pejabat Lembaga Pepereksaan, Brunei. Royal Schools of Music di-tubohkan di-London. Pepereksaan ini di-jalankan di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan, Brunei pada 1hb Mach, 1980 mulai jam 2.00 petang.

Penuntut2 yang mengambil pepereksaan ada-lah saperti berikut :

| Peringkat Pepereksaan | Ramai Chalon |
|---|---|
| Grade 1 | 32 orang |
| Grade 2 | 16 „ |
| Grade 3 | 24 „ |
| Grade 4 | 25 „ |
| Grade 5 | 15 „ |
| Grade 6 | 7 „ |
| Grade 7 | 2 „ |
| Grade 8 | 1 „ |

# ı orang penyanyi di-undang ıjayakan Combo B 2hb Mach ini

RTB akan di-siarkan langsong dari studio Talivishen Brunei pada hari AHAD 26hb ), mulai jam 1.00 tengah hari.
berbakat dan di-sukai ramai di-tanah ayer, akan di-undang khas oleh penerbit-nya men-chara dan seterus-nya mempersembahkan la--nya. Dan di-samping itu, M. Noordin juga mput dua orang penyanyi yang lain, saperti ıming (Juara Bintang RTM bahagian Sara-ıim Duming akan membawakan tiga buah 2-nya ia-lah; Kesah sa-orang berchinta, Just u are (sa-buah lagu berbahasa Filipina). ı lagu barat di-berinama, Bridge Over Trou-

rang lagi penyanyi yang boleh juga di-kata-ır di-tanah ayer kita, dia ia-lah Hamidah ıng sering kelihatan di-kacha TV. Hamidah ıawakan dua buah lagu. Lagu2-nya; Janji Mu nbira di-samping mu. Untok Peminat2 TB, Bahagian Melayu mengalu2kan supaya datang ka-Studio B RTB, pada hari Ahad, 1980 jam 1.00 tengah hari; untok menyaksi-langsong Combo RTB.




KELIHATAN dalam gambar ini, ia-lah ahli2 Orkes RTB yang di-pimpin oleh Awang Abdullah Ahmad (yang memakai Headphone) semasa mengadakan latehan2 untok COMBO RTB.



ffith membintangi "Salvage — I" sa-bagai erick, tuanpunya Jettison Scrap and Salvage

i satu jam ini, Harry dan teman2 kumpolan berani menghadapi chabaran dan akan per-ahaja di-dunia ini untok mendapatkan wang ıat dan apa sahaja yang memberikan chaba-akan dapat di-saksikan pada hari Khamis tang.

# RANCHANGAN TVP DARI 3HB — 8HB MACH

## ISNIN — 3HB MACH

**PAGI**

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Udara 1'
Dalam ranchangan ini murid2 akan be-lajar mengenai udara.
Benar-kah udara terdapat di-sekeliling kita?
Ada-kah udara terdapat di-dalam ayer? Apa-kah dia angin?
Ini-lah di-antara masaalah2 yang akan di-jawab dalam ranchangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 31
Di-dalam ranchangan kali ini Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat akti-biti2 NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, KATA SI-MANIS, PA' LONG, SIRI PERMULA'AN dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut bermain Kuda, kanak2 akan berlakon mengemaskan almari pakaian mereka. Di-dalam LIHAT dan PER-HATI pula Che'gu Sa'diah akan me-nguji ingatan kanak2 pada benda2 yang mereka pakai saperti kasut, sarong kaki dan lain2.
Di-siri PERMULA'AN kali ini Che'gu Sa'diah akan membachakan buku ber-tajok 'Pakaian'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 31

## SELASA — 4HB MACH

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Udara 1'

10.30 KAP KAP UDANG 32
Ranchangan kali ini di-isikan dengan MARI BERLAKON, KERJA TA-NGAN, MAIN BAKUL, SI-MANIS, AMIN, GAMBAR & SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.
Kanak2 akan berlakon mengenakan pa-kaian masing2 di-dalam ruangan MARI BERLAKON. Di-ruangan KERJA TA-NGAN, Che'gu Sa'diah akan membuat topi dengan menggunakan kertas tebal atau kertas suratkhabar.
SI-MANIS berpesan kapada kanak2 semua supaya mengemaskan pakaian di-bilek dan jangan berselerak.
Dalam ruangan GAMBAR dan SEBU-TAN, Che'gu Sa'diah akan mengajar kanak2 benda2 yang bermula dengan huruf 'b'.




Gambarajah menunjokkan asap di-bawa bergerak oleh angin.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 32

## RABU — 5HB MACH

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Udara 1'

10.30 KAP KAP UDANG 33
Di-dalam ranchangan ini kanak2 akan di-bawa bermain BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMINAH, BER-MAIN BELON, YANG MANA GAN-JIL dan CHERMIN SAKTI.
Dalam ruangan TUNJOK BENDA Che'gu Sa'diah akan menunjokkan dan mencheritakan benda2 yang kanak2 telah bawa dari rumah saperti barang2 mainan, lukisan dan kerja tangan, gam-bar dan lain2.
YANG MANA GANJIL menguji peng-lihatan kanak2 dengan melihatkan be-berapa keping gambar yang sa-akan2 sama bentok-nya.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 33

## KHAMIS — 6HB MACH

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Udara 1'

10.30 KAP KAP UDANG 34
Di-dalam ranchangan kali ini Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan di-bawa ber-main IKUT KETUA, PAPAN HIK-MAT, PETI SURAT, BERSENAM, HALAMAN BERCHERITA dan CHER-MIN SAKTI.
Che'gu Sa'diah akan membachakan surat2 yang telah di-terima daripada kanak2 yang telah mengikuti kelas Kap Kap Udang dan yang ingin mengikuti ranchangan ini.
Di-HALAMAN BERCHERITA, Che'gu Sa'diah akan membachakan buku ber-tajok 'Pipit Si-Burong Pipit'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 34

## SABTU — 8HB MACH

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 35
Di-ranchangan kali ini Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktibiti2 sa-perti MAIN KERUSI, BANG, KETUA KESELAMATAN, AMIN, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Main BANG ada-lah satu permainan bagi menguji kechekapan penglihatan kanak2 dengan meletakkan dua keping gambar satu persatu di-atas meja. Sa-telah di-dapati dua keping gambar itu sama pasangan-nya maka kanak2 akan meletakkan tangan mereka lalu menye-but perkata'an 'BANG'.
Di-ruangan KETUA KESELAMATAN mengajar kanak2 supaya jangan ber-main dengan obat2an.
Di-HALAMAN BERCHERITA pula, Che'gu Sa'diah akan bercherita tentang kesah 'Buaya dengan Kanchil'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 35

# *Susunan ranchangan* MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Minggu Ini (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Pilehan Ku; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph Pendengar. **T/HARI**: 12.00 — Surat Dari London; 12.15 — Senandong Ria — Azan Dzohor; 12.30 — Senandong Ria; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Al-Kisah; 1.30—Sa-Iring Jalan. **PETANG**: 200.—Siaran Melayu Di-Tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam — Azan Maghrib (menunaikan sembahyang); 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00 — Dalam Kenangan (SU); 7.30 — Dendang Tumasek; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30—Pesta Ria/Suara dari Bintang2 (SU); 9.00 — Majallah Shell (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek ku (SU); 9.00 — Tafsir Al-Koran; 9.30 — Rampai Sari Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan; 10.30 — Al-Kisah; (SU); 11.00 — Lagu2 Asli Asia; 11.30 — Chitrawara. **T/HARI**: 12.00 — Lagu2 Panduan (Duty Ann) — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu'kah Awda; 1.30 — Mari Menyanyi. **PETANG**: Siaran Melayu Di-Tamatkan; 5.00 Majallah Ugama/Kemuskilan Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 Dakwah; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Hidayat — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Permintaan Malam Khamis; 9.30 — Tetamu Minggu Ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Diang Dangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Kursus Al-Koran; 11.30 Keluarga Jaya. **T/HARI**: 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). **PETANG**: 2.15 — Varia Peristewa; 2.30 — Combo RTB/Sinar Chahaya; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Tafsir Al-Koran—Azan Asar; 4.00 — Bahas Ka-Sekolah; 4.30 — Chitrawara; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Hiboran; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu: 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## SABTU

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang antara Bangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran; 10.30 — Sa-Iring Jalan (SU); 11.00 — Majallah Shell; 11.30 — Berdendang Dengan Ku. **T/HARI**: 12.00 — Dunia Mingu Ini — Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. **PETANG**: 2.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan (SU) — Azan Asar; 4.00 — Bersama Kami; 4.30 — Chitrairama; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib. **MALAM**: 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 — Lagu2 Asli Asia (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Purbawara; 9.00 — Tunas Pendidek (SU); 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Rampaian Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop Minggu Ini; 9.00 — Teman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30—Pencharagam Tempatan; 11.00—Siswazah Brunei; 11.30—Album Penyanyi. **T/HARI**: 12.00 — Sandiwara Radio—Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Suara Bintang/Pesta Ria; 1.30 — Ruangan Ketani; 1.45 — Pilehan Instrumental. **PETANG**: 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun — Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; — Azan Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini (SU). **MALAM**: 7.00—Suara Parajurit—Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Tahu-kah Awda (SU); 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Dalam Kenangan; 8.30—Rampai Sari Hiboran; 9.00 — Antara Bangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer. **T/HARI**: 12.00 — Komintar Radio; 12.15— Rampaian Tengah Hari — Azan Dzohor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai; 1.30 — Tunas Pendidek. **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: 7.00 — Penyanyi Harapan; 7.30 — Bersama Kami (SU)—Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita— Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Pertanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzika Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Salam Mesra; 11.30 — Sekolah Ka-Sekolah. **T/HARI**: 12.00 — Ku Sampaikan Salam — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00— Tamu Minggu Ini; 1.30 — Gurindam Lagu (SU). **PETANG**: 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM**: Ruangan Ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30— Pancharagam; 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi— Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



AWANG Masri bin Metussin, No 34, Kampong Peramu (gambar atas) mendapat giliran memileh lagu2 dalam ruangan hiboran "Apa Pilehan Awda" minggu ini.

Dalam ranchangan sa-tengah jam yang akan ka-udara pada hari Ahad, 2hb Mach jam 9.30 pagi itu, Awang Masri akan memileh enam buah lagu untok hiboran peminat2 ranchangan ini.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Shape of Future; 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Making A Home (repeat); 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — The Frank Muir Version — "Acting"; 1.15 — What Fascinates Me by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five: Here Am I, Where Are You? by Sheila Hedgson; 8.45 — Those were the Days by Jaafar Yaakub; 9.15 — News; 9.30—Popular Classic — Programme 18: "Descriptive Music" 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Voice of Islam; "The 15th Century of Hijrah"; 11.15 — From School to School produced by Tajul Ahmad; 11.45 — Light Music From the Netherlands. NOON: Radioscope by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — My Word; 1.15 — Folktales and Legends of Borneo by Graham Saunders produced by Charan Chand; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — From School to School (repeat); 8.30 — Calling On You by Tajul Ahmad; 9.00 — Folktales and Legends of Borneo (repeat); 9.15 — News; 9.30 — The Pickwick Papers; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Stringsound; 11.30 — International Call. NOON: 12.00—Many A Slip. PM: 12.30 — News; 12.45 — Making A Home produced by Nafisah Haji Ali; 1.15 — BBC World Report; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcemnt—The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00—Book Club: A Handful of Dust by Evelyn Waugh; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (repeat). NOON: 12.00 Women's World by Veronica Shim. PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Animal, Vegetable or Mineral; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Frank Muir Version 'Acting' (repeat); 8.30 — Voice of Islam: "The 15th Century of Hijrah" (repeat); 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON: 12.00—Dr In the House. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Travel Log by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement —Music Impromptu From East to West; 8.45 Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special; 11.45 — Just A Minute; NOON: 12.15 — Shape of the Future by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — Music Impromptu — From East to West by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Boomtwon Raft" (side 1); 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Animal, Vegetable or Mineral (repeat); 10.00 — Close Down.



# Derma untok tabong anak2 yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jemaah2 haji dalam kumpolan kedua bagi tahun 1979 telah mendermakan sa-keping chek bernilai $1,843 kapada Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei dan Muara.

Sumbangan derma tersebut telah di-sampaikan oleh Awg. Haji Mohd Jali bin Abd Latif, Pegawai Kebajikan dan Perhubongan Haji bagi kumpolan tersebut kapada Pengerusi Tabong Derma Aank2 Yatim Daerah Brunei dan Muara, Yang Amat Mulia Pg Indera Makhota Pengiran Muda Haji Kamaluddin (gambar atas).

Turut hadhir di-majlis itu, ia-lah Pengarah Haji Othman bin Abd Kadir, selaku wakil Sheikh Haji Ibrahim dan Awang Haji Abd Kadir bin Md Taha, selaku wakil Sheikh Haji Ali Yassin serta setiausaha tabong tersebut. Pengiran Haji Abas bin Pengiran Hj Besar.

Penyampaian derma tersebut telah di-lakukan di-satu majlis yang telah di-langsongkan di-Jabatan Perpindahan di-ibu kota di-sini pada hari Khamis yang baru lalu.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 21hb Februari 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. UDANG KERING—$6.00 sa-kati boleh di-dari kedai berikut:—
   Liong Yu Company,
   58, Jalan Sultan.
2. BAWANG MERAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Teck Hin,
   No. 56, Jalan Sultan.
3. KACHANG TANAH — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   A Seah Mohammad,
   No. 52, Sultan Lama.

**KUALA BELAIT :**

1. UDANG KERING — $6.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chiong Kee,
   No. 1-A, Jalan Pretty.
   b) Ng Ming Hong,
   No. 101, Jalan McKerron.
   c) Sharikat M Haji,
   No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.
   d) Ng Ming Hong,
   No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Lian Ho,
   No. 24, Jalan Pretty.
3. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Foh Soon,
   No. 60-A, Jalan Pretty,

**SERIA :**

1. UDANG KERING — $6.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Chop Koh Seng Hang,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
2. BAWANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Choo Heng & Company,
   No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KACHANG TANAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
   b) Hj C.A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 27hb Feb. hingga 5hb Mach 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 27.2.1980 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 27.2.1980 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 27.2.1980 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 1.3.1980 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 1.3.1980 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 1.3.1980 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 3.3.1980 | Isnin | 2.00– 3.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 3.3.1980 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 4.3.1980 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 4.3.1980 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Serasa | 5.3.1980 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 5.3.1980 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 5.3.1980 | Rabu | 11.30–12.30 T/Hari |

# PERANGAI UMPAT-MENGUMPAT BUKAN-LAH SIFAT2 MANUSIA YANG MULIA – Awg. Mahmud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr menegaskan bahawa perangai atau sifat umpat mengumpat, menjadi batu api supaya sa-orang itu melakukan sa-suatu yang keji atau berkomplot untok menjatohkan sa-orang ada-lah merupakan yang tidak termasok dalam kategori sifat2 manusia yang mulia.

Malah kata-nya, perangai sa-umpama itu sudah memasoki "the law of the jungle" atau undang-undang belantara — anything goes, apa saja dapat di-lakukan tanpa sa-barang batasan bagi untok menchapai suatu maksud dan untok kepuasan hati.

Awang Mahmud seterusnya menegaskan walaupun manusia saperti ini mengaku sa-orang Islam dengan tundok layah lima kali sa-hari sambil menguchapkan "Tiada Tuhan yang di-sembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu Pesuroh Allah", jika tindak tanduknya dalam kehidupan sahari2 naluri kehaiwanan-nya lebeh mengatasi naluri kemanusiaan-nya.

"Ini-lah fenomena kehidupan yang nampak kapada kita sekarang, baik dalam bidang ekonomi, sosial dan apa-tah lagi dalam bidang politik sa-tempat atau antarabangsa. Undang-undang dan moral buatan manusia mendapat tempat maha tidak agong dan tidak terkechuali bagi umat manusia yang mengaku diri-nya Islam itu", tegas beliau lagi.

Beruchap di-majlis Sambutan Maulud Nabi anjoran Kelas Zikir Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah di-adakan di-Bilek Pameran dewan tersebut pada hari Sabtu 9hb Februari yang lalu, Awang Mahmud menambah kata bahawa sa-tengah2 umat Islam sekarang akan ragu2 membuat sa-suatu keputusan untok kebaikan ugama-nya kalau pertimbangan keputusan-nya itu berchanggah dengan apa yang di-sebut "international law" buatan manusia itu.

Menurut-nya, sekarang kita sudah mirip berbalek kapada zaman jahilliah sabelum kebangkitan Islam di-mana umat Islam lebeh takut kapada kuasa patong buatan manusia daripada kuasa Allah s.w.t.

Tetapi tambah Awang Mahmud itu lagi, Tuhan ada-lah sayang kapada hamba-Nya dan sebab itu-lah Nabi Muhammad s.a.w. di-utus-Nya saperti firman-Nya dalam surah 34 ayat 28 yang bermaksud lebeh kurang : *"Dan kami tidak mengutus kamu, melainkan kapada seluroh umat manusia sa-bagai pembawa berita gembira dan sa-bagai pemberi ingatan, tetapi kebanyakkan-nya manusia tidak mengetahui".*

Beliau selanjut-nya menjelaskan bahawa thema sambutan yang berbunyi "Menghayati Islam dengan penoh keikhlasan" itu ada-lah tidak lari daripada maksud "pemberi peringatan" itu, ia-lah bagi mengingatkan kita supaya menghayati Islam dengan sifat2 ikhlas.

Kata-nya lagi, keikhlasan itu ada-lah abstrek yang tidak dapat kita lihat, tidak dapat di-pegang kerana ia-nya bersemayam di-lubok hati yang suchi, tulus ikhlas dan jujor. Dan itu-lah erti-nya keikhlasan pancharan kesuchian, ketulusan dan kejujoran hati.

Antara achara yang di-adakan pada malam itu termasok-lah bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awang Othman bin Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin, persembahan nashid oleh kelas Zikir Dewan Bahasa dan Pustaka, bachaan marhaban dan berzanzi serta mendeklamasikan sajak.

Turut hadhir di-majlis itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd Jamil Al-Sufri, Timbalan Pengarah, Awang Haji Ahmad bin Kadi, serta pegawai2 dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka dan jemputan2 khas.

# Chokmar untok dua buah masjid

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kakitangan Pejabat Kerahantenaga Awam, Pangkalan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei telah mewakafkan chokmar dan beberapa sejadah untok dua buah masjid di-Daerah Brunei dan Muara ia-itu bagi Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Kampong Batu Marang.

Penyerahan wakaf tersebut telah di-lakukan oleh Pegawai Kerahantenaga Awam, Awang Haji Abd Samad bin Haji Abd Rahman kapada Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Metussin bin Timbang.

Upachara penyerahan wakaf itu telah di-langsongkan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri di-sini pada hari Rabu yang baru lalu.



GAMBAR atas kelihatan Awang Haji Abd Samad menyampaikan dua batang chokmar itu kapada Kadzi Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Metussin bin Timbang.



KELIHATAN Awang Haji Badaruddin (membelakang kamera) beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Mashuarat Agong Persatuan Kebajikan Maufakat Kg Burong Pingai Ayer.

BELIA DAN SOKAN

# PEMIMPIN BADAN2 BELIA, KEBAJIKAN DI-SERU SUPAYA TERUS MENERUS BERGERAK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemimpin2 Pertubohan Belia2 dan Kebajikan di-negeri ini telah di-seru supaya terus menerus bergerak bagi menyakinkan orang ramai kapada nilai2 peraduan yang berasaskan kerjasama dan persefahaman.

Ketua Pegawai Penerangan membuat seruan demikian ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Mashuarat Agong Persatuan Kebajikan Maufakat Kampong Burong Pinggai Ayer kali yang kesembilan yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Datu Ahmad di-sini pada hari Ahad 17hb Februari lalu.

Menurut-nya, pertubohan2 belia dan kebajikan tumboh dengan pesat-nya dalam satu jangka waktu di-mana ketika itu negeri ini berada dalam perengkat pemulehan sa-lepas tahun 1962.

"Permulehan itu lebeh tertumpu pada memulehkan keperchayaan umom kapada maana perpaduan bagi mengelakkan raayat berpechah-belah di-kalangan mereka dan bagi menjaminkan sokongan serta kerjasama kapada kerajaan", tegas beliau.

Dalam suasana itu, menurut beliau lagi, pertubohan2 kebajikan sedang ranchak di-tubohkan di-merata-rata negeri yang mana juga merupakan pengisi kekosongan pimpinan yang berkesan lagi di-perchayai.

"Dengan kegiatan yang asas-nya kebajikan menerusi pertubohan itu, perlahan2 orang ramai pun mempelajari dan akhir-nya memperchayai bahawa pertubohan atau pergerakkan yang berfahaman politik bukan-lah jaminan yang berkesan bagi memenohi keperluan2 mereka dalam perkembangan serta kemajuan sosial dan lain-lain-nya", tegas Ketua Pegawai Penerangan itu lagi.

Hal ini, kata-nya, di-mungkinkan pula oleh sikap kerajaan sa-lama ini dalam mengadakan perkhidmatan2 kapada raayat dengan semangat kebajikan yang tidak di-dorong oleh satu2 muslihat yang tidak bertanggong-jawab.

"Oleh yang demikian, pemimpin2 pertubohan belia dan kebajikan perlu-lah terus berusaha pada mengekalkan kegiatan masing2 bagi memimpin dan membimbing orang ramai supaya terus-menerus yakin kapada maana perpaduan yang asas-nya untok tujuan bekerjasama dan memupok persefahaman di-kalangan raayat", ujar beliau sa-lanjut-nya.

Mashuarat pada hari itu telah melantek ahli2 jawatankuasa tadbir bagi tahun 1980.

Awang Tuah bin Ahmad telah di-lantek sa-bagai Yang Dipertua dan Awg Abu Bakar bin Haji Abd Latif di-lantek sa-bagai Timbalan Yang Dipertua.

Pengerusi I ia-lah Awang Mahat bin Haji Hassan; Setia Usaha Agong — Awg Md Yassin bin Haji Hassan; Timbalan Setia Usaha Agong — Awang Haji Abdullah bin Mohammad dan Bendahari Agong ia-lah Awang Sabullah bin Haji Akim.

Sementara itu empat orang telah di-lantek sa-bagai jawatankuasa kerja. Mereka ia-lah: Awang Mahali bin Besar, bahagian belia; Awang Matyusof Adi, bahagian pelajaran; Awang Zulkifli bin Mohammad, bahagian Kebajikan dan Awang Haji Apong bin Sarbon bahagian iktisad. Dan 10 orang telah di-lantek sa-bagai ahli jawatankuasa biasa.

## Kejohanan rentas desa anjoran BAAA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Sokan Amator Brunei (BAAA) akan menganjorkan kejohanan Rentas Desa kali yang ke-empat pada 6hb. April 1980 bertempat di-Arena Sokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong mulai jam 2.30 petang.

Sa-banyak enam achara akan di-pertandingkan di-kejohanan itu nanti ia-itu bahagian berpasokan dan perseorangan untok lelaki senior, lelaki junior dan perempuan senior.

Sementara bahagian perseorangan pula ia-lah bagi lelaki veteran; perempuan junior dan lelaki bahagian kanak-kanak.

Sharat bagi pertandingan bagi kejohanan berpasokan, sa-banyak lapan orang peserta di-kehendaki berlari di-mana enam orang dari peserta yang terbaik di-kira untok permarkahan.

Sementara bahagian berpasokan perseorangan masa berlari hanya di-tambah 2/3 dari masa peserta yang pertama datang. Peserta yang melebehi masa yang di-tetapkan di-anggap batal tidak di-kira mengambil bahagian.

Borang2 pendaftaran masok boleh di-dapati dari Awang Abd Razak bin Bungsu, Setia Usaha Kehormat, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan; Awang Basri bin Haji Lahid Timbalan Setia Usaha Kehormat, Pejabat Pelajaran Tutong; Awang Tuah bin Nordin, Naib yang Dipertua Brunei/Muara, Pejabat Jasmani Bandar Seri Begawan 13E Jalan Sekolah; Awang Zainal bin Gana, Naib Yang Dipertua Tutong, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara; Awg A Sibidol, Naib Yang Dipertua Belait; Awang Suhaili bin Lani, Pejabat Pelajaran Belait dan Awang Hamid Momin, Pejabat Pelajaran Temburong.

Borang2 yang telah di-isikan dengan bayaran-nya sekali hendak-lah di-kembalikan kapada mereka itu tidak lewat dari hari Sabtu 15hb Mach 1980 jam 4.00 petang.

## Penyampaian hadiah kejohanan chator

KUALA BELAIT. — Satu majlis penyampaian hadiah2 kejohanan chator dan badminton bagi Jabatan Kastam Kuala Belait bagi tahun 1979 telah di-langsongkan di-Gelanggang Badminton KBRC di-sini pada hari Jumaat 8hb Februari yang lalu.

Dalam bahagian chator, johan telah di-sandang oleh Awg Mohd Salleh bin Mokhtar, kedua di-menangi oleh Awang Abd Rahman bin Md Tahir dan tempat ketiga jatoh kapada Awang Judin bin Momin.

Sementara dalam bahagian perlawanan badminton pula, tempat pertama telah di-menangi Oleh Awg Zaini bin Hamid, kedua di-sandang oleh Awg Mohd Zin bin Hj Omar dan tempat ketiga di-menangi oleh Awang Judin bin Momin.

Bahagian bergu: Johan telah di-sandang oleh pasangan Awg Jamil bin Ibrahim dan Awang Zaini bin Hamid, tempat kedua di-menangi oleh pasangan Awg Yahya bin Haji Omar dan Awg Judin bin Momin sementara tempat ketiga telah di-menangi oleh Awang Mohd Zin bin Hj Omar dan Awang Morshidi bin Idris.

Hadiah2 kejohanan chator telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Kassim bin Haji Johan sementara hadiah2 kejohanan badminton telah di-sampaikan oleh Penguasa Kastam Kuala Belait. Awang Ng Chen Kee.

Hadiah2 bagi perisai pusingan dan piala2 rebutan bagi kedua2 kejohanan telah di-sumbangkan oleh Awang Ng Chen Kee, Penguasa Kastam Belait manakala hadiah2 iringan chator untok tempat pertama, kedua dan ketiga ada-lah sumbangan bersama dari Awang Sabli bin Haji Ahmad, Pemangku Penolong Penguasa Kastam dan Pg Tajuddin bin Pengiran Alim, Penyelia Kastam Belait. Sementara hadiah2 iringan badminton di-sumbangkan oleh Awang Ibrahim bin Momin.

## PIALA MALAYSIA:

## Brunei tewaskan W. Persekutuan

KUALA BELAIT. — Pasokan Bolasepak Kebangsaan Brunei telah menang buat pertama kali di-padang sendiri dalam siri perlawanan Piala Malaysia. Dalam perlawanan yang telah di-adakan di-padang KBRC di-sini pada hari Sabtu lalu, Brunei telah menewaskan pasokan Wilayah Persekutuan dengan satu gol tidak berbalas.

Gol kemenangan Brunei itu di-buat dalam sa-paroh masa kedua hasil jaringan Ismail Bungsu di-minit kelapan.

Dalam perlawanan yang telah di-adakan pada hari Rabu lalu, pasokan Brunei telah di-tewaskan oleh pasokan Negeri Sembilan dengan dua gol berbalas satu. Perlawanan tersebut telah di-adakan di-Stadium Hassanal Bolkiah Gadong.

Pasokan Brunei yang bermain chukop bersefahaman dalam sa-paroh masa pertama telah mendahului Negeri Sembilan dengan jaringan satu kosong. Gol tersebut di-jaringkan oleh Pengiran Tajuddin bin Pg Haji Othman dalam minit yang ke-29.

Akan tetapi dalam sa-paroh masa kedua Negeri Sembilan telah bermain dengan bersungguh2 dan dapat menyamakan kedudokan hasil jaringan pemain midfield Negeri Sembilan G. Torairaju dalam minit yang ke-15 dan dua minit kemudian Negeri Sembilan telah memperolehi gol kemenangan-nya dalam minit yang ke-17 melalui Zainuddin Othman.

Walaupun pemain2 striker Brunei melancharkan serangan bertubi-tubi ka-pintu gol Negeri Sembilan, mereka telah gagal untok menyamakan kedudokan sa-hingga-lah wisel penamat di-tiupkan kedudokan gol ia-lah 1 bagi Brunei dan dua bagi Negeri Sembilan.

Brunei sa-takat ini telah bermain sa-banyak lapan kali, dua kali menang, dua seri dan empat kali kalah dan memungut enam mata.

Brunei akan menghadapi empat perlawanan lagi di-padang sendiri dan empat perlawanan di-padang lawan. Perlawanan yang akan datang ia-lah menentang pasokan Kelantan yang akan di-adaakn pada 14hb April, di-Bandar Seri Begawan.



PENJAGA gol Negeri Sembilan gagal menyelamatkan bola yang di-tendang oleh Ak Tajuddin dalam sa-paroh masa pertama dalam perlawanan yang telah di-adakan pada hari Rabu lalu.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEMBANTU PERANCHANG BANDAR

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Peranchang Bandar di-Jabatan Peranchang Bandar dan Desa, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Jawatan Pembantu Peranchan Bandar ia-lah jawatan pelateh untok mereka yang berminat menjadikan bidang peranchang bandar dan desa sabagi satu kerjaya ikhtisas. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang telah memperolehi kelulusan akademik yang menchukopi yang akan kelak melayakan mereka memasoki Universiti/Maktab bagi mengikuti sesuatu kursus ikhtisas dalam bidang peranchang bandar dan desa. Dari itu chalon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya 5 matapelajaran perengkat "O" dan 2 matapelajaran perengkat "A" dan ini hendak-lah meliputi Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Alam dan Lukisan.

Chalon2 yan berjaya di-kehendaki berkhidmat di-Jabatan Peranchang Bandar dan Desa sekurang2-nya selama dua tahun sebelum di-hantar untok melanjutkan pelajaran dan akan bekerja di-bahagian2 kawalan pembangunan dan peranchangan jangka waktu hadapan di-Jabatan ini.

**Sukatan gaji :**

Dalam sukatan gaji D4-5 EB6 — $854-880-905-931-956 - 982 - 1007-1046-1071-1097-1122/EB/1148-1173-1199-1224.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb April, 1980.

(E/99/80—Bil :19/1980)

## Sa-bagai Penjaga Asrama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 Penjaga Asrama di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah telah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sa-banding dengan-nya dan hendak-lah sabaik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyeliaan dan pengurusan sa-buah asrama termasok pengalaman memasak makanan Melayu serta berumor di-antara 25 hingga 45 tahun.

a) Menjaga asrama dan pekerja2-nya (Penumpang2, Tukang2 Masak dan Pemberseh2).

b) Menjaga, membeli belah dan memereksa barang2 yang di-bekalkan, menyediakan jadual2 makan serta minuman di-asrama.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB.5-6—$625-657-689-720-752-784-854-880-905-931-956 - 982-1007/EB/1046-1071-1097-1122-1148-1173-1199-1224. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb April, 1980.

(E/730/54—Bil: 14/1980)

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi :—

1) **KATEGORI 7 —**
**TAWARAN NO. SES/016—80**
Mengadakan penyenggaraan letrek, perkhidmatan2, membaiki serta menguji bagi semua bengkel2 Sharikat, pejabat2, kelab2, bangunan2, lampu2 jalan dan untok keselamatan yang ada di-kawasan antara Sungai Tiga, Kuala Belait hingga ka-Lapangan Terbang Anduki.

2) **KATEGORI 3 DAN 32 —**
**TAWARAN NO. ECO/021—80**
Membena kemudahan baru tempat menyembor dan menchat dan mengubah bengkel tempat menchat yang ada untok di-jadikan bengkel tempat menyembor (blasting).

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI Shell Petroleum Company Limited invites tenders from B.S.P. approved contractors for :—

1) **CAT 7 —**
**TENDER NO. SES/016—80**
The provision of electrical maintenance, repair and testing services for all the Company workshops, offices, clubs, building complexes, sundry buildings, street and security lighting which are situated in the area betwen Sungai Tiga of Kuala Belait and Anduki Airport.

2) **CAT 3 & 32 —**
**TENDER NO. ECO/021—80**
Construction of new blasting and painting facilities and conversion of existing Paint Shop to Shot Blasting.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## TENDER NOTICE

**OFFICES FOR THE EDUCATION DEPARTMENT, WELFARE YOUTH & SPORTS DEPARTMENT AND AUDIT DEPARTMENT, AT THE BERAKAS OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN**

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class "A" Contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon, on Monday 24th March, 1980.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR OFFICES FOR THE EDUCATION DEPARTMENT, WELFARE YOUTH & SPORTS DEPARTMENT AND AUDIT DEPARTMENT, AT THE BERAKAS OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN".

4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the Office of Akitek Bersatu, 148, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from Wednesday 27th February, 1980 during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be $10,000.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6. Prior to the issue of the tender documents each tenderer will be required to:—

1) Produce documentary evidence that he is a P.W.D. registered Class "A" contractor;
2) Produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee;
3) Produce a letter from his bank (the said bank being a wellknown and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of approximately $1,000,000.00) in accordance with the Conditions of Contract.

7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any Tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received from registered Class 'AX' and above Contractors by the Chairman of the Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon on Tuesday, 11th March, 1980.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tender documents may be obtained from the offices of Pakatan Robinson Cassell, 1st Floor, Datsun Showroom, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. The tender deposit will be $500.00 refunable to all unsuccessful tender upon receipt of a bona fide tender or return of the tender documents.

5. Tender to be submitted on the Tender Form provided enclosed in a sealed envelope bearing no indication of the name of the Tenderer and shall be addresed to the Chairman, Tenders Board and marked clearly '-TENDER FOR CONSTRUCTION OF SCREEN WALL TO DAY TANKS, BRUNEI EARTH STATION, TELISAI".

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## STATE STORES TENDER NO. 8/80 GOVERNMENT OF BRUNEI

TENDERS are invited for the supply to The State Stores & Supplies Department, Brunei of the following vehicle and equipment:

1. One unit Flat Top Dropside Truck Equipped with Hydraulic Operated Loading Jib.
2. One unit Petrol Driven Power Sweeper Cum Scrubber.

Full specifications available from the office of the Controller of Government Stores, State Stores & Supplies Department, Jalan Gadong, Brunei during working hours. Tender closes on Tuesday 25th March, 1980 up to 12.00 noon.

## JABATAN KERAJAAN BERGAJI HARI

1) Majikan: **Pusat Latehan Teknikal Brunei, Jalan Muara**
Jawatan: Buroh (lelaki)

2) Majikan: **Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah**
Jawatan: Buroh (lelaki)

3) Majikan: **Jabatan Kerja Raya (Pemeliharaan J/Raya)**
Jawatan: Buroh
Kekosongan: 9
Sharat2-nya: Chalon2 hendak-lah tinggal di-kawasan Kg Kilanas/Bebatik

4) Majikan: **Jabatan Muzium, Brunei**
Kekosongan: 6
Jawatan: Buroh Penebas

5) Majikan: **Jabatan Bandaran, Brunei**
Jawatan: a) Welder — 1 kekosongan
b) Buroh Kasar — 30 kekosongan bahagian lelaki

6) Majikan: **Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Brunei**
Jawatan: Pemandu Kelas 5

7) Majikan: **Jabatan Kerja Raya (Bahagian Bangunan), Brunei**
Jawatan: Buroh
Kekosongan: 10
Sharat2-nya: Sanggup mengerjakan kerja2 kotor saperti membaiki Jamban tersumbat

8) Majikan: **Jabatan Kerja Raya (Bahagian Workshop, Jalan Tasek, Brunei)**
Jawatan: Sewerman
Kekosongan: 1

9) Majikan: **Jabatan Bandaran, Tutong**
Kekosongan: a) Buroh Conservancy,
b) Buroh Tukang Bunga

10. Majikan: **Pejabat Daerah, Tutong**
Jawatan: Buroh Bergerak
Kekosongan: 4

## SEKTOR SWASTA BERGAJI BULAN/HARI

1. Majikan: **Boustead**
a) Serviceman/Car Washer — 1 kekosongan
b) Caretaker/Jaga
Gaji: a) $11.40 sa-hari, b) $350.00 sa-bulan.

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Proposed Inspection Shed to Land Transport Department at Jalan Gadong—Hj Md Yassin bin Metassan—$128,670.00 — 4 months.
2 Proposed Sewer connection & diversion of Sullage flows from Government quarters to main sewers Jalan Tapak Kuda & Jalan Temanggong — Guma Private Ltd — — $301,538.05 — 9 months.
3 Supply of Fire Fighting Equipment to RBMR—M/s Chubb Singapore Pte Ltd — $315.00 per set — 4 weeks.
4 Disposal of Unserviceable Vehicles, RBMR, Lot 58 — Lim Teck Liong — $7,510.00.
5 Supply of Steel & Iron Plates, State Stores tender No. 51/79 — South Island Trading Company Pte Limited.
6 Airconditioning installation to Sekolah Menengah Sungai Kebun Phase 1, BSB — M/s Borneo Airconditioning & Engineering Co — $382,313.00.

1 Installation of Filtration System at Swimming Pool, Flotilla Base, Muara — Paterson Candy (M) Sdn Bhd — $348,116.00.
2 Construction of Sewerage Reticulation Treatment and Disposal for proposed Municipal Workshop, Administration Office & Staff quarters, Jalan Berakas — M/s Hung Soon & Company — $402,363.00 — 9 months.
3 Sub-surface Exploration for proposed Resettlement Area, Kg Lambak Kanan, Berakas — M/s Geotechnique Limited — $384,390.00 — 18 months.
4 Construction of RC drains & pipe culverts at Kg Mata2 Resettlement Access road — M/s Chieng Lee Yong — $170,275.00 — 6 months.
5 Construction of Water Mains Diversions along Jalan Kianggeh — M/s Ocean Quarry Company — $240,184.00 — 11 months.
6 Construction fo Water Mains Diversions for road, Tutong to Jerudong — M/s Ocean Quarry Company — $254,479.00 — 15 weeks.
7 Medical Sterilizer & Equipment, New General Hospital, Kiulap — M/s Hale Engineering Ltd — amended amount $1,093,450.00.
8 Tailoring & supplying of material for Fire Brigade uniforms — Sharikat Bersama Tukang Jahit, Sengkurong — $472.00 18 items of uniform.
9 Electrical installation, West Telephone Exchange, Kg Mediwa, Jalan Tutong — M/s Paramount (B) Pte Ltd — $51,604.
10 Electrical & Airconditioning installation to 2 Classrooms, Education Centre, Bolkiah Camp —M/s Paramount (B) Pte Ltd — $50,069.20.
11 Airconditioning installation, New General Hospital — M/s Guthrie Engineering (S) Pte Ltd — $8,462,473.29 revised sum.
12 HS 748 Aircraft Insurance, RBMR — Mollers' Insurance Brokers Pte Ltd — US$4,900.00 total sum.
13 Landscaping, Sixth Form Centre, Phase 4, Jalan Gadong — M/s Evershine Florist — $16,379.00.
14 State Stores No. 50/79 — Supply of BRC Welded Wire Fabric — Africa Company — $44,591.25 — 3 weeks CIF Muara Port.
15 Supply of Boots, Shoes & other stores to Fire Brigade — ACE Agencies (B) Co for rubber shoes @ $4.80 per pair & singlet @ $3.60.
Beng Heng Trading Company for Short pants @ $4.10 and socks @ $2.20 per pair.
16 Catering & Domestic Services to Sinaut Agricultural Training Centre — Siti Mariam & Company at $10.70 per person per day.
17 Metal Works & Welding Shop, Boys Company, Bolkiah Camp — Ng & Tam Company — $56,473.00 — 4 months.
18 Army Work Seria, electrical installation for JRC, Temple, Married & Single Sgts quarters — Universal Electrical Company — $75,371.00 — 37 weeks.
19 Supply of Stone for Mulaut Rice Project — Re-tender.
20 Construction of concrete topping to existing Gabion Retaining Wall & erection of chain link fencing at Istana Darul Hana — Brunei Construction Limited — $114,619.00 — 2½ months.
21 Airconditioning installation, Telephone Exchange, Kg Mediwa — M/s Paramount (B) Pte Ltd — $75,929,50.
22 Supply & delivery of Crusher-run stones to roads & Car Park at Jerudong Park — Sharikat Pembinaan Kebangsaan — $26.10 per cu yd.
23 Supply of 15 tons Hosiery Wipers or Mutton Cloth — Union Trading Company at $1.96 per lb (10 tons) and $1.47 per lb (5 tons).
24 Supply, delivery & installation of racks for proposed miscellaneous & alterations, Phase 1 to the Main Store extension for RBMR, Flotilla Base — M/s Warner & Company Limited — $570,520.00.



MENTERI Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin menarek tirai penutop papan perasmian Pusat Latehan Schlumberger di-Seria pada hari Khamis lalu.

# MB RASMIKAN PUSAT LATEHAN SCHLUMBERGER

SERIA. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, telah merasmikan Pusat Latehan Schlumberger, Lorong 10 sini Khamis lepas, (Gambar kiri kelihatan YAM itu sedang menarek tirai, menandakan perasmian Pusat Latehan tersebut).

Pelita Brunei di-beritahu bahawa sa-takat ini sabanyak 20 orang penuntut seberang laut lulus kejuruteraan sedang menyertai kursus di-Pusat Latehan Schlumberger, di-Lorong 10 sekarang ini. Mereka terdiri; sa-orang dari Australia sa-orang dari Turkey, sa-orang dari Nigeria, sa-orang dari Hongkong, sa-orang dari Peranchis dan empat orang dari Amerika. Mereka akan menjalani latehan sa-lama tiga bulan. sa-belum menjalani tugas.

Ada-lah di-fahamkan Sharikat Schlumberger ini telah bekerja dengan perusahaan minyak sejak tahun 1927 dan menjadi pemborong Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad bagi chari gali minyak di-Brunei sejak dulu lagi.

Bangunan Pusat Latehan Schlumberger ini siap pada tahun 1979 yang lalu dan melateh kumpolan pertama terdiri dari jurutera2 seberang laut untok berlateh di-negeri ini.

Sa-jurus sa-lepas perasmian, para jemputan khas telah di-bawa melawat2 serta di-berikan penerangan berhubong dengan alat yang di-gunakan chari gali minyak sa-chara moden.

# ASTERAWANI di-seru hasilkan bahan2 bachaan yang berfaedah untok masharakat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyeru Penulis Penulis Tanah Ayer (Asterawani) supaya lebeh bergiat lagi menulis bahan2 bachaan yang berfaedah yang boleh mendatangkan kesedaran dan kebaikan kapada negara dan masharakat Brunei.

Kata-nya, bahan2 bachaan tulisan itu hendak-lah sentiasa bersandarkan dan berasaskan kapada yang indah, benar dan munasabah dan tidak berchanggah dengan ajaran Ugama Islam yang kita anuti.

Yang Amat Mulia juga menggesa ahli2 Asterawani supaya akan dapat berusaha menghasilkan dan menerbitkan buku2 majallah samada yang berupa sajak, nobel dan sa-bagai-nya bagi santapan raayat di-negeri ini untok meninggikan bidang kesusasteraan Melayu.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara membuat seruan demikian ketika beruchap sajurus sa-belum merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan Asterawani Brunei yang ka-17 yang telah di-adakan di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka di-ibu negeri di-sini pada hari Ahad lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara menambah sabda, bahawa Persatuan Asterawani di-masa2 yang akan datang akan menempoh berbagai2 chabaran dalam bidang penulisan bahasa terutama sekali di-waktu Negeri Brunei di-ambang kemerdekaan lagi berdaulat pada tahun 1983 kelak.

Dan untok tujuan itu, sabda Yang Amat Mulia lagi, Persatuan dan ahli2 Asterawani harus-lah menyiapkan diri dari sekarang dan sentiasa mengeluarkan fikiran yang membena dan positif demi untok kebajikan bangsa masharakat dan tanah ayer Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof juga berharap supaya penulis2 tanah ayer akan dapat menghasikan karya2 yang berchorak keIslaman bagi kegunaan bangsa dan negara kerana kita sedia maalom imijinasi indah yang terkandong dalam karya sastera Islam itu sangat-lah sesuai dengan yang kita anuti dan yang di-kehendaki oleh Ugama Islam.

"Kita sama2 mengetahui bahawa melalui penulisan ia-nya boleh mempengarohi masharakat dan membimbing mereka dan sebalek-nya ia-nya juga dapat merosakkan fikiran masharakat kalau salah bimbing", sabda Yang Amat Mulia sa-lanjut-nya.

Dalam uchapan alu2an-nya Ketua I Asterawani, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani menjelaskan bahawa sejak dua tahun kebelakangan ini Persatuan Asterawani dapat membuat perkembangan yang sehat terutama-nya di-bidang bahasa dan sastera yang di-ungkayah oleh ahli2 persatuan itu sendiri.

Menurut-nya antara perkembangan itu, termasok-lah penghasilan koleksi Sajak2 Darussalam; penerbitan majallah karya; perkampongan Puisi di-Pantai Muara; kuliah pendidekan sastera dan Asterawani di-udara melalui Radio Brunei.

Usaha berkebajikan sa-umpama ini, tambah beliau itu lagi, telah di-usahakan dengan jujor lagi penoh bertanggong-jawab oleh ahli2 Asterawani dan ia-nya bukan-lah bertujuan sabagai persatuan persaingan dengan mana2 juga organisasi atau institusi apa lagi indung Asterawani Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Tugas dan tanggong-jawab yang telah di-amanahkan kapada Asterawani di-bidang itu ada-lah merupakan sa-bagai supplemantari atau sumbangan kapada usaha2 yang penoh dtdikasi lagi penoh kewibawaan dengan di-laksanakan dengan sempurna oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei", ujar beliau.

## PEMBETULAN

SATU kesalahan chetak telah terdapat dalam keluaran minggu lalu di-muka 9, mengenai kod panggilan di-Seria, Kuala Belait dan Mumong. Kod angka yang betul ada-lah saperti berikut :

Seria<br>
Mumong<br>
Kuala Belait

0–01 + Kod Negeri<br>
\+ Angka Kebangsaan Panggilan Pelanggan

Dari muka 1

yang ada sekarang yang bermula dengan nombor dua akan mengekalkan nombor2 mereka tetapi kira2 enam ratus di-kawasan Anggerak Desa dan Lapangan Terbang akan mempunyai nombor permulaan tiga.

Sementara semua pelanggan yang ketika ini di-hubongkan ka-ibusawat Madang telah di-berikan dengan nombor baru lima angka bermula dengan angka tiga. Kawasan2 yang terlibat ia-lah dari kawasan Salambigar, di-Jalan Muara hingga ka-Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas dan dari kawasan Bolkiah Kem (termasok perumahan Konsultan) hingga ka-Berakas Kem.

Turut hadhir di-upachara pembukaan itu ia-lah Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib; Pengarah Talikom, Awang Scholey; Pemangku Pengarah Perjawatan, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awg Hj Sulaiman dan Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani binte Hj Lawie serta pegawai2 kanan Jabatan Talikom.

## 37 chalun lulus GCE 'A' Level

Dari muka 1

un sahaja yang telah lulus ia-itu bersamaan dengan 3.51 peratus. Kedua-nya telah mendapat tiga mata pelajaran GCE.

Manakala dari 241 orang chalun persendirian hanya 13 orang sahaja yang telah lulus ia-itu dengan mendapat peratus kelulusan 5.39 peratus. Dari jumlah itu dua orang mendapat enam GCE, tiga orang mendapat lima GCE, tiga orang mendapat empat GCE dan lima orang lain-nya mendapat tiga GCE.

SEMENTARA itu sa-ramai 37 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam, Jalan Gadong telah lulus dalam pepereksaan Sijil Brunei-Cambridge Perengkat Lanjutan aliran Inggeris yang teah di-adakan pada tahun lalu.

Mereka lulus itu sekurang2-nya mendapat dua matapelajaran perengkat tinggi dan dua matapelajaran perengkat biasa. Jumlah yang lulus itu ada-lah bersamaan dengan 17.87 peratus.

Sa-orang penuntut dari pusat itu, Dayang Koo Geok Leng, telah mendapat kelulusan yang tinggi sekali ia-itu dengan mendapat empat matapelajaran perengkat lanjutan dan satu matapelajaran perengkat biasa.

Manakala sa-ramai 165 orang chalun dari pusat itu telah lulus dengan mendapat sekurang2-nya satu mata pelajaran perengkat biasa dan lima orang lagi telah gagal.

Dari 89 orang chalun persendirian dan Kelas Dewasa di-seluroh negeri yang mendudoki pepereksaan tersebut, hanya sa-orang sahaja yang lulus dengan mendapat sekurang2-nya dua matapelajaran perengkat lanjutan dan dua matapelajaran perengkat biasa.

Sementara sa-ramai 56 orang yang lain-nya hanya mendapat sekurang2-nya satu matapelajaran perengkat biasa.

## Angka tunjok barang2 pengguna bulan Dis. 1979

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yunit Peranchang Ekonomi telah mengeluarkan angka tunjok barang2 pengguna bagi bulan Disember tahun 1979. Angka tunjok harga2 barang2 bagi bulan itu ia-lah 114.4 berbanding dengan 114.3 bagi bulan sa-belum-nya. Ini menunjokkan kenaikan sa-banyak 0.1 peratus sahaja.

Kenaikan itu ada-lah terutama-nya di-sebabkan oleh naik-nya sedikit harga2 barang makanan dan pakaian pada keselurohan-nya dalam bulan perayaan Hari Krismas.

Akan tetapi, angka tunjok bagi pengangkutan dan perhubongan telah jatoh. Angka2 tunjok bagi kumpolan2 harga bagi sewa kasar, bahan api dan tenaga; alat2 perabot, alat2 perhiasan dan kelengkapan rumah tangga serta pemasangan dan permainan, hiboran, pelajaran, dan perkhidmatan2 kebudayaan maseh tetap tidak berubah.

Angka tunjok harga bagi makanan meningkat sa-banyak 0.4 peratus kapada 115.4 mata dalam bulan Disember tahun 1979 ada-lah di-sebabkan oleh kenaikan harga2 daging lembu beku, sayap ayam beku dan kaki kambing beku.

Oleh kerana itu, angka tunjok kumpolan kechil bagi daging meningkat sa-banyak 0.6 peratus kapada 117.1; ikan sa-banyak 1.1 peratus kapada 117.0; minyak makan dan mentega — 0.1 peratus kapada 115.0; buah2-an — 2.0 peratus kapada 135.8 dan lain2 barang makanan sa-banyak 2.3 peratus kapada 111.6. Sementara angka tunjok bagi sayoran dan hasil-nya telah turun kapada 132.2.

Bagi angka tunjok pakaian dan kasut pula, ia-nya telah naik dari 114.6 mata kapada 114.9 ini ia-lah kerana di-sebabkan kenaikan harga2 seluar dalam dan stokin.

Angka tunjok bagi pengangkutan dan perhubongan telah turun dari 116.3 kapada 115.5 ini ia-lah di-sebabkan dengan turun-nya harga kereta yang mana telah merendahkan angka tunjok kumpolan kechil bagi pembelian persendirian dari 124.2 mata kapada 122.7.

Sementara itu bagi barang dan perkhidmatan2 Rampaian pula angka tunjok-nya telah meningkat dari 115.5 kapada 116.0 ini ia-lah terutama-nya di-sebabkan oleh kenaikan2 harga minyak rambut.

## Meninggikan taraf kesokanan

Dari muka 1

luarga masing2", sabda Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia berharap semoga dengan ada-nya stadium sa-umpama itu ia-nya akan dapat meninggikan lagi taraf kesokanan Pasokan Pulis Diraja Brunei khas-nya dan raayat negeri Brunei am-nya.

Sa-lepas upachara perasmian itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir kemudian-nya telah di-junjong oleh YAM Pengiran Setia Raja untok di-perkenalkan kapada pemain2 bolasepak persahabatan antara Pasokan Pulis Diraja Malaysia Komponan Sarawak dengan Pasokan Pulis Diraja Brunei yang mana keputusan-nya telah di-menangi oleh pasokan Sarawak dengan dua jaringan berbalas satu.

Upachara perasmian stadium itu telah juga di-serikan dengan persembahan pancharagam oleh Pasokan Pancharagam Pulis Diraja Brunei.

Turut berangkat ka-upachara itu termasok-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Hj Sufri Bolkiah dan kerabat2 Diraja yang lain.

Hadhir sama di-upachara itu ia-lah Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib; Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, YAM Pengiran Jaya Negara serta YAM Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat dan pegawai2 kanan kerajaan serta pegawai2 kanan pasokan Pulis.

Upachara perasmian stadium itu juga telah di-hadhiri oleh Pesurohjaya2 Pulis dari Republik Singapura, Sarawak dan Sabah.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.